Pantai Timur - Kerteh, Kuantan, dan Kota Bharu	Hisyamuddin bin Mohamad	Pengurus / <i>Manager</i>
Pantai Timur - Kuantan	Adly Azmin bin Junet	Ketua Pejabat / <i>Head Office</i>
Pantai Timur - Kota Bharu	Mohd Norzaide bin Ahmad Nordin	Ketua Pejabat / <i>Head Office</i>
Utara		
Utara - Penang, Manjung, dan Alor Setar	Rosliza binti Osman	Pengurus / <i>Manager</i>
Utara - Manjung	Muhd Amin Alamin bin Salam	Ketua Pejabat / <i>Head Office</i>
Utara - Alor Setar	Asrul Amri bin Ismail	Ketua Pejabat / <i>Head Office</i>
Selatan		
Selatan - Johor Bahru, Melaka, dan Pengerang	Ismail bin Abdul Rahman	Eksekutif/Pemangku <i>Executive/Acting Head</i>
Selatan - Melaka	Abdullah Monsi bin Ahmad Sarbini	Ketua Pegawai / <i>Head Office</i>
Selatan - Pengerang	Nurzuhairah binti Jamil	Ketua Pegawai / <i>Head Office</i>
Sabah		
Sabah - Kota Kinabalu, W.P. Labuan, Sandakan, dan Tawau	Wan Sarman @ Wan Salman bin Sakan	Pengurus / <i>Manager</i>
Sabah - W.P. Labuan	Mohd Fazrin bin Journain @ Joronain	Ketua Pegawai / <i>Head Office</i>
Sabah - Sandakan	Muhamad Almansari bin Albari	Ketua Pegawai / <i>Head Office</i>
Sabah - Tawau	Abd Hamid bin Hasan	Juruteknik Kanan/Pemangku Ketua Pegawai <i>Sr. Technician/Acting Head Office</i>

Sarawak		
Sarawak – Kuching, Bintulu, Miri, dan Kapit	Normiza binti Suhaili	Pengurus / <i>Manager</i>
Sarawak – Bintulu	Maziah binti Yusof	Juruteknik Kanan/Pemangku Ketua Pejabat <i>Sr. Technician/Acting Head Office</i>
Sarawak – Miri	Nuraida binti Waslee	Ketua Pegawai / <i>Head Office</i>
Sarawak – Kapit	Edi Anak Ganai	Juruteknik /Pemangku Ketua Pejabat <i>Technician/Acting Head</i>
Pakar Teknikal Technical Expert		
Bahagian Bisnes dan Pemasaran	M. Hamzah bin Jamaludin	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Bahagian Pembangunan Program	Muazan bin Mohamad	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Pejabat Perundingan, Penyelidikan, dan Pembangunan	Haji Muhammad Zaeem bin Mokhtar	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Shahrulnizam bin Jamen	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Pematuhan Regulatori	Yuzainie bin Yusof	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Nor Mohd Razif bin Noraini	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Dr. Muhamad Ariff bin Muhamad Noordin	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Penyelesaian KKP	Haji Mohd Esa bin Baruji	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Azhar bin Ahmad	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>

Pakar Teknikal <i>Technical Expert</i>		
Perkhidmatan Penasihat	Haji Khairunnizam bin Mustapa	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Raemy bin Md Zein	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Siti Nurani binti Haji Hassan	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Ruzita binti Mohd Shariff	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Perkhidmatan Teknikal	Mohd Norhafsam bin Maghpor	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Penyelidikan Gunaan	Baderin bin Osman	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
Pejabat Pendidikan dan Latihan, dan Pejabat Wilayah	Haji Amirrudin bin Abdul Aziz	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Mohamad Anizan bin Mohammed Amin	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>
	Paramesvaran a/l Mariappan	Pakar Teknikal III <i>Technical Expert III</i>

Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>		
Bahagian Pembangunan Program	Mohd Asri bin Ridzwan	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Pendidikan dan Latihan, dan Pejabat Wilayah	Dinie Iqbal bin Minhat	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
	Mohd Razman bin Ismail	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
	Ahmad Aizuddin bin Ahmad Ridzwan	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
	Mohamad Hairi bin Mustapa	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>

Jurulatih Residen Resident Trainer		
Pejabat Wilayah Pantai Timur - Kerteh	Mohamad Shariff bin Ismail	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Utara - Penang	Mohd Badrul Azifudin bin Abd Mutalib	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
	Mohamad Fahkrul Razi bin Hasan	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Selatan - Johor Bahru	Mohamed Rizwan bin Haji Anis	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Sabah - Kota Kinabalu	Indra bin Imus	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>
Pejabat Wilayah Sarawak - Bintulu	Azri bin Rani	Jurulatih Residen <i>Resident Trainer</i>

Anak Syarikat Subsidiary		
NIOSH Certification (Pensijilan) Sdn. Bhd. (NCSB)	Syamsul Zahrin bin Zainuddin	Ketua Pengarah Eksekutif <i>Chief Executive Director</i>



2023

LAPORAN TAHUNAN

**ALAM SEKITAR, SOSIAL
DAN TADBIR URUS**
*ENVIRONMENT, SOCIAL AND
GOVERNANCE*



PENDAHULUAN ESG

Sebagai sebuah organisasi yang bernaung di bawah Kementerian Sumber Manusia, NIOSH menyokong penuh inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk memperkasakan agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social, and Governance - ESG) dengan merangka strategi korporat bagi melaksanakan agenda tersebut dengan berkesan.

NIOSH komited terhadap tanggungjawab korporat dan meneruskan prinsip mesra alam sekitar serta bertanggungjawab penuh terhadap pengurusan social. Dari masa ke semasa, tadbir urus (dikenali sebagai governans) juga dikukuhkan dalam melaksanakan misi dan visi NIOSH.

Bagi menyokong pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, NIOSH telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti program pengurangan jejak karbon serta memantau dan mengukur pelepasan gas rumah hijau (GHG). NIOSH juga telah melaksanakan pemantauan kecekapan penggunaan air dan tenaga elektrik secara berkala. Selain itu, NIOSH juga telah menyokong usaha memulihara kepelbagaian biodiversiti dan penghutan semula melalui kempen penanaman pokok di sekitar premis NIOSH. Turut menjadi asas dalam pelaksanaan aktiviti teras NIOSH adalah inisiatif penggunaan bahan mentah daripada sumber mesra alam dan pengurusan secara efisien bahan sisa serta bahan efluen.

INTRODUCTION

As an organisation under the patronage of the Ministry of Human Resources, NIOSH fully supports the initiative taken by the Malaysian government to empower the Environmental, Social, and Governance (ESG) agenda by devising a corporate strategy to implement the agenda effectively.

NIOSH is committed to corporate responsibility. The institute pursues environmentally friendly principles and is fully responsible for the social management of the said pursuit. Over time, governance is also strengthened through the implementation of NIOSH mission and vision.

To support the preservation and conservation of the environment, NIOSH has implemented several initiatives such as carbon footprint reduction programmes and monitoring and measuring greenhouse gas (GHG) emissions. NIOSH also implemented periodic monitoring of the efficient usage of water and electricity. In addition, NIOSH has also supported efforts to conserve biodiversity and reforestation through tree planting campaigns around NIOSH premises. Also fundamental in the implementation of NIOSH's core activities is the initiative to use raw materials from environmentally friendly sources and the efficient management of waste materials and effluents.





Dari masa ke semasa, NIOSH sentiasa mengemaskini aspek sosial yang merangkumi penglibatan dan sokongan pekerja serta mematuhi keperluan perundangan. NIOSH juga mewujudkan peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat sama rata serta melakukan semakan gaji minima berpandukan keperluan perundangan dan situasi ekonomi semasa. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) turut menjadi tunjang utama yang dititikberatkan dalam melindungi kakitangan dan pihak yang berkepentingan. Pembangunan bakat dan peningkatan kemahiran kakitangan juga merupakan perkara penting dalam aspek sosial. Keterbukaan NIOSH dalam menerima pandangan, aduan dan maklum balas berkaitan aktiviti pentadbiran dan perniagaan dizahirkan dengan kewujudan platform pengendalian Sistem Maklumbalas Pelanggan, E-Penilaian dan e-mel khas iaitu whistleblower@niosh.com.my. Sebagai institusi yang mesra komuniti, NIOSH telah melaksanakan inisiatif penajaan dan sumbangan kepada masyarakat umum seperti OSH in School, bantuan mangsa banjir, pembayaran dan pemberian zakat dan latihan KKP percuma kepada golongan sasaran yang layak dan terpilih.

From time to time, NIOSH constantly updates the social aspects which include employee involvement and support as well as complying with legal requirements. NIOSH also created equal employment and promotion opportunities. The institution conducts minimum wage reviews based on legal requirements and the current economic situation. The aspect of occupational safety and health (OSH) is another a key factor that is emphasised to protect staff and stakeholders. Talent development and improvement of staff skills are also important for the social aspect. NIOSH openness in receiving views, complaints, and feedback related to administrative and business activities is expressed through a Customer Feedback System operating platform, E-Assessment and a special e-mail called whistleblower@niosh.com.my. As a community-friendly institution, NIOSH has implemented sponsorship initiatives including contributions to the general public such as OSH in School, assistance to flood victims, payment and giving of offerings, and free OSH training to eligible and selected target groups.



Bagi mengukuhkan amalan tadbir urus perniagaan yang baik, NIOSH telah membangunkan rangka kerja bagi menyokong organisasi untuk mencapai matlamat serta mengurus perniagaan dan hal ehwal organisasi secara telus, berhemat dan berintegriti. Dalam usaha memastikan amalan tadbir urus yang baik, NIOSH telah memberi penekanan kepada aspek-aspek seperti kepimpinan lembaga pengarah dan pengurusan, menetapkan hala tuju dan strategi organisasi dengan menitikberatkan etika dan pematuhan serta mewujudkan sistem perakaunan yang telus. NIOSH juga bertanggungjawab melindungi segala kerahsiaan data dan maklumat pelanggan dan pihak berkepentingan dalam urusan perniagaan.

Berpandukan ketiga-tiga aspek ESG ini, NIOSH sentiasa komited dalam memastikan matlamat ESG yang telah dirangka dicapai. Penambahbaikan berterusan dan penerapan ESG dalam pentadbiran dan perniagaan dijangka dapat meningkatkan hasil, daya saing, dan daya tahan NIOSH sebagai penyedia latihan KKP di Malaysia.

To reinforce good business governance practices, NIOSH has developed a framework to support organisations in achieving their goals, managing their business, and handling organisational affairs with transparency, prudence and integrity. In an effort to ensure good governance practices, NIOSH emphasised aspects such as leadership factors of the board of directors and management, setting the direction and strategy of the organisation with an emphasis on ethics and compliance, and creating a transparent accounting system. NIOSH is also responsible for protecting the confidentiality of customer and stakeholder data and information in business matters.

Guided by these three aspects of ESG, NIOSH is always committed to ensure that the ESG goals which were formulated are achieved. Continuous improvement and application of ESG in administration and business is expected to increase the results, competitiveness, and resilience of NIOSH as a provider of OSH training in Malaysia.



Alam Sekitar

Program dan Sasaran Pengurangan Jejak Karbon

Perubahan iklim yang berlaku mencetuskan kebimbangan dunia dan NIOSH turut memberikan komitmen untuk membantu menanganinya dengan menyokong dan menyertai pelbagai program pembangunan lestari, khususnya inisiatif mengurangkan pelepasan jejak karbon.

Beikut adalah program-program pengurangan jejak karbon yang telah dilaksanakan:

- Aktiviti penanaman pokok di premis NIOSH
- Inisiatif baja kompos daripada sisa makanan kafeteria NIOSH
- Penyediaan kemudahan basikal di tempat kerja
- Penyertaan aktif Hari Bumi (World Earth Day)



Aktiviti:

- Aktiviti penanaman pokok bersama kakitangan.
- 40 pokok telah ditanam dan dijangka menghasilkan 4,717.360kg oksigen setahun.

Activities:

- Tree planting activity by NIOSH staff members.
- 40 planted trees are estimated to generate 4,717.360kg of oxygen a year

Environmental

Programmes and Carbon Footprint Reduction Targets

Climate change is a global concern. Along with the others around the world, NIOSH is also committed to support and participate in various sustainable development programmes, particularly initiatives to reduce carbon footprint emissions.

Following are the carbon footprint reduction programmes that were implemented:

- Tree planting activities at NIOSH premises
- NIOSH cafeteria food waste composting initiative
- Provision of bicycle facilities at work
- Active participation in World Earth Day



Aktiviti:

- Inisiatif Baja Kompos dari sisa makanan Kafeteria NIOSH.
- 60kg sisa makanan bulanan bersamaan 7.6kg Methane Gas (CH₄). (berjaya dikurangkan?) – not sure about this

Activities:

- NIOSH Cafeteria Food Waste Compost Fertiliser Initiative.
- 60kg of monthly food waste equals to 7.6kg of Methane Gas (CH₄).

**Aktiviti / Activities:**

Penyediaan basikal di NIOSH.
Bicycles provided by NIOSH.

2.6 km berbasikal hanya menjana 21g CO² Jejak Karbon.

2.6km of bicycling generates 21g of CO² (carbon footprint).

**Aktiviti / Activities:**

Penyertaan tahunan Hari Bumi (World Earth Day) pada 27 Mac 2023.

Participating in World Earth Day on 27 Mar 2023.

1 Jam = RM250.11 = 0.32 tCO₂e.

1 hour is equivalent to RM250.11 which is 0.32 tCO₂e.

Pengimbangan karbon adalah mekanisme penting bagi memastikan pelepasan karbon dioksida berada pada tahap minimum. NIOSH melaksanakan pengimbangan karbon menerusi program offset karbon yang dilaksanakan seperti di dalam Jadual 1. NIOSH turut merancang untuk melaksanakan pembelian kenderaan elektrik (EV) bagi menyokong inisiatif ini.

Carbon offsetting is an important mechanism to ensure that carbon dioxide emissions are kept to a minimum. NIOSH implements carbon offsetting through a carbon offset programme that was implemented as shown in Table 1 above. NIOSH also plans to implement the purchase of electric vehicles (EV) to support this initiative.

**Aktiviti / Activities:**

Inisiatif Matikan Enjin Kenderaan semasa berada di kawasan premis NIOSH.

Initiative to Turn Off Vehicle Engines while on NIOSH premises.

Pelepasan Gas Rumah Hijau

NIOSH telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengawal dan mengurangkan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang menyumbang kepada pemanasan global.

Memandangkan enjin kenderaan merupakan antara sumber utama GHG, NIOSH mengambil langkah mengawal pelepasan asap ekzos kenderaan melalui inisiatif matikan enjin kenderaan di premis NIOSH, melaksanakan pemeriksaan kenderaan NIOSH secara berkala di PUSPAKOM dan memantau penggunaan bahan api kenderaan NIOSH. Selain itu, NIOSH turut melaksanakan pemantauan udara (stack monitoring) setiap tahun bagi memastikan udara yang dilepaskan dari kemudahan NIOSH ke atmosfera mematuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Green House Gas Emissions

NIOSH made several initiatives to control and reduce the intensity of Green House Gas (GHG) emissions which is causing to global warming.

Since vehicle engines are one of the main sources of GHG, NIOSH took steps to control vehicle exhaust emissions through an initiative of turning off vehicle engines at NIOSH premises, performing regular NIOSH owned vehicle inspections at PUSPAKOM, and monitoring fuel consumption of NIOSH owned vehicles. In addition, NIOSH also carried out air monitoring (stack monitoring) every year to ensure that the air released from NIOSH facilities into the atmosphere complies with the standards set by the Department of Environment.

Januari - Oktober /
 January - October 2022


RM16,366.60
RIM 1180

Januari - Oktober /
 January - October 2023

RM14,915.00
RIM 1075



Penggunaan Minyak Kenderaan (RM/tCO2e) Vehicle Petrol Consumption



NIOSH turut menyokong usaha penjimatan penggunaan kertas dengan menggalakkan penggunaan aplikasi dan sistem atas talian.
 NIOSH also supports paper-saving efforts by encouraging the use of online applications and online systems.

Kecekapan Penggunaan Air

Menjelang tahun 2080, dijangkakan sekitar 1.8 bilion penduduk dunia tidak mempunyai akses kepada bekalan air disebabkan oleh krisis air yang semakin meruncing di peringkat global.

Bagi menyokong usaha memulihara sumber air dan menggalakkan penggunaannya secara berhemah, NIOSH telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk menyasar pengurangan 5% penggunaan air daripada garis dasar yang telah ditetapkan.

NIOSH turut menguatkuasakan garis panduan utiliti dan memantau kebocoran air secara berkala di setiap tandas dan pili air di premisnya. NIOSH juga telah melaksanakan inisiatif mengitar semula air hujan untuk kegunaan siraman tanaman dan kerja-kerja pencucian.

Jadual 1: Kadar Penggunaan Air 2022 dan 2023

Efficient Water Usage

By the year 2080, it is projected that around 1.8 billion of the world's population will not have access to water supply due to worsening water crisis at a global level.

To support efforts to conserve water resources and encourage its prudent use, NIOSH implemented several initiatives including targeting a 5% reduction in water use from the established baseline.

NIOSH also enforced utility guidelines and regular monitoring of water leaks in every toilet and faucet on its premises. Furthermore, NIOSH implemented an initiative to recycle rainwater for use in watering plants and for washing or cleaning work.

Table 1: Water Usage Rate 2022 and 2023

Januari - Oktober /
January - October 2022

RM 81,954.40
m³ 28,680

Januari - Oktober /
January - October 2023

RM 87,002.46
m³ 30.503



Penggunaan Tenaga

NIOSH sentiasa memberi fokus kepada kecekapan penggunaan tenaga elektrik dalam operasi harian. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, inisiatif penjimatan tenaga telah dilaksanakan seperti berikut:

- Memantau penggunaan tenaga secara bulanan (penetapan pengurangan 5% daripada garis dasar yang ditetapkan)
- Mematuhi dan menguatkuasakan garis panduan penjimatan utiliti
- Membuat perolehan peralatan elektrik cekap tenaga (5-star rating)
- Mengguna tenaga solar bagi lampu jalan di premis NIOSH
- Menghadkan waktu operasi sistem penyejuk (chiller)

Jadual 3: Kadar Penggunaan Elektrik 2022 dan 2023



Energy Usage

NIOSH constantly focuses on efficiency of electricity use in daily operations. In order to achieve its set target, energy saving initiatives were implemented as follows:

- Monitor energy consumption on a monthly basis (setting a 5% reduction from the set baseline)
- Adhere to and enforce utility savings guidelines
- Procurement of energy-efficient electrical equipment (5-star rating)
- Using solar energy for street lights at NIOSH premises
- Limit the operation time of the cooling system (chiller)

Table 3: Electricity Usage Rate 2022 and 2023

Pengurusan Bahan, Sisa dan Efluen

Pengurangan sisa adalah penting bagi memulihara alam sekitar. NIOSH telah mengambil langkah menangani sisa yang terhasil daripada aktiviti teras yang dilaksanakan seperti sisa domestik, kitar semula, sisa bahan buangan terjadual dan sisa efluen.

Di NIOSH, sisa domestik terhasil dari sisa pembersihan dan sisa cafeteria. Oleh itu, NIOSH memastikan ianya dibawa keluar ke tapak pelupusan sampah oleh kontraktor yang dilantik.


Bermula dari tahun 2022, NIOSH berjaya mengitar semula lebih daripada 40% jumlah sisa yang dijanakan oleh operasinya. Pada masa yang sama NIOSH turut berusaha mengurangkan penghasilan sisa bagi tahun 2023.

Raw Materials, Product Waste and Effluents Management

Product waste reduction is important so as to conserve the environment. NIOSH took steps to deal with waste reduction through core activities such as domestic waste, recycling, scheduled waste, and effluent waste.

At NIOSH, domestic waste results from cleaning waste and cafeteria waste. Therefore, NIOSH ensures that it is taken out to the landfill by an appointed contractor.

Starting from 2022, NIOSH managed to recycle more than 40% of the total waste generated by its operations. At the same time, NIOSH is also working to reduce waste production for the year 2023.




NIOSH turut memastikan pengurusan sisa bahan buangan terjadual di premis NIOSH dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa.

NIOSH ensures that the management of scheduled waste at NIOSH premises is carried out in an orderly manner and in accordance to the rules set by local authorities.



Bagi menangani sisa makanan dari kafeteria dan mengurangkan kuantiti yang dihantar ke tapak pelupusan sampah, NIOSH telah melaksanakan inisiatif menukarkan bahan tersebut kepada baja kompos.

To deal with food waste from the cafeteria and to reduce the quantity sent to landfills, NIOSH implemented an initiative to convert the material into compost.



NIOSH juga telah memastikan sisa effluen ditapis sebelum disalurkan ke dalam sistem pembentung dengan menggunakan perangkap minyak (grease trap) yang dipasang di beberapa lokasi strategik di kafeteria NIOSH.

Furthermore, NIOSH ensured that effluent waste is filtered before flowing into the sewer system by using grease traps installed in several strategic locations in NIOSH cafeteria

Penggunaan Bahan Mentah Mesra Alam

Sebagai sebuah institut yang bertanggungjawab melaksanakan latihan berkaitan KKP, NIOSH turut berperanan menggalakkan penggunaan produk mesra alam sekitar.

Bermula dari tahun 2020, NIOSH telah menguatkuasakan larangan penggunaan plastik di premisnya terutamanya di kafeteria. Sebagai alternatif, NIOSH telah menyediakan bekas makanan, minuman dan penyedut minuman yang dibuat daripada bahan mesra alam. Selain itu, NIOSH turut menggalakkan pekerja membawa bekas makanan sendiri dan beg kitar semula ke kafeteria NIOSH. Penggunaan bekas air kaca juga telah dilaksanakan untuk semua mesyuarat di premis NIOSH.

Biodiversiti dan Penghijauan Semula

Pemuliharaan biodiversiti dan penghijauan semula amat penting untuk mencegah kepupusan spesies flora dan fauna. Bagi menyokong usaha ini, NIOSH telah melaksanakan Kempen Penanaman Pokok di sekitar premis NIOSH, yang merupakan sebahagian tanggungjawab untuk menggantikan semula pokok yang telah ditebangkan untuk penghasilan kertas.

Sebanyak 40 pokok telah ditanam yang dianggarkan mampu menghasilkan 4,717.360kg oksigen setahun.

Use of Environmentally Friendly Raw Materials

As an institute responsible for implementing OSH-related training, NIOSH plays a role in encouraging the use of environmentally friendly products.

Starting from 2020, NIOSH enforced a ban on the use of plastic on its premises, especially in its cafeteria. As an alternative, NIOSH provided food and beverage containers along with straws made from environmentally friendly materials. In addition, NIOSH encouraged its employees to bring personal food containers and recycling bags to its cafeteria. The use of glass water containers was also implemented for all meetings at NIOSH premises.

Biodiversity and Revegetation

Biodiversity conservation and revegetation are very important so as to prevent the extinction of flora and fauna species. To support this effort, NIOSH implemented a Tree Planting Campaign around NIOSH premises as part of the institution's responsibility to replace trees that were felled for paper production.

A total of 40 trees were planted and are estimated to produce 4,717.360kg of oxygen per year.



Aktiviti Penanaman Pokok
Tree Planting Activity

Bagi mendedahkan kakitangan NIOSH kepada kepentingan memulihara alam sekitar, NIOSH telah melaksanakan ekspedisi mendaki gunung dan menggalakkan mereka memungut sampah di sepanjang trek.

To expose NIOSH employees to the importance of conserving the environment, NIOSH implemented mountain climbing expeditions and encouraged staff to pick-up trash along the trek.



Sosial

Penglibatan dan Sokongan Pekerja

Penglibatan pekerja dalam setiap keputusan dan inisiatif organisasi mampu meningkatkan semangat selain memberi motivasi untuk mereka memberikan perkhidmatan terbaik. Sehubungan itu, NIOSH telah berkongsi maklumat tentang kepentingan ESG dengan kakitangannya dan bagaimana mereka boleh bersama-sama menjayakannya. Antara perkara yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:



Terlibat dengan Program Kutip Sampah Riadah (KUDAH)
Participated in the Riadah (KUDAH) Garbage Collection Programme



Penjimatan Air dan Elektrik di Pejabat NIOSH
Water and Electricity Use Reduction in NIOSH offices



Mengemaskini aspek impak yang melibatkan kakitangan NIOSH
Updating Impactful Aspects Involving NIOSH Staff



Menjalankan mesyuarat NOSHERTCOM
Conducting NOSHERTCOM Meetings

Social

Employee Engagement and Support


Employee involvement in every organisational decision and initiative is able to increase morale as well as motivate them to provide the best of service. Accordingly, NIOSH has shared information about the importance of ESG with its staff and how they can work together to make it happen. Among the things that were implemented are as follows:

Pematuhan Akta Kerja 1955

Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2023 amat penting bagi memperkasa hubungan di antara pekerja dan juga majikan serta menjaga kebajikan pekerja. NIOSH mengambil pendekatan proaktif untuk memastikan peruntukan undang-undang tersebut dipatuhi agar kebajikan pekerja terus terpelihara.

Compliance with Employment Act 1955

The Employment Act 1955 (Amendment 2022) which came into force on 1 January 2023 is very important so as to strengthen the relationship between employees and employers as well as safeguard the welfare of employees. NIOSH takes a proactive approach to ensure that the provisions of the law are followed to maintain the welfare of workers.




Peluang Pekerjaan dan Kenaikan Pangkat Sama Rata

Peluang pekerjaan dapat menurunkan kadar pengangguran dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Hasil pendapatan yang diperoleh para pekerja juga membantu menjana ekonomi negara.

Equal Employment and Promotion Opportunities

Job opportunities can lower the unemployment rate and improve citizens' living standards. The income earned by workers will also help generate the national economy.



Bagi menjayakan inisiatif ini, NIOSH telah melaksanakan pendekatan menyeluruh untuk mengenalpasti dan menangani secara proaktif sebarang halangan sistemik yang mungkin menyekat peluang kakitangan untuk meningkatkan kerjaya mereka. Pada masa yang sama, program kesedaran turut dilaksanakan bagi memastikan setiap kakitangan di NIOSH diberi layanan yang baik tidak kira jawatan, mahupun jantina.

To make this initiative a success, NIOSH implemented a comprehensive approach to proactively identify and address any systemic barriers that may be limiting staff's opportunities to advance their careers. Meanwhile, an awareness programme was also implemented to ensure that every staff member at NIOSH is treated well regardless of position or gender.



Hak kepada kakitangan bekerja.
Employee rights to work



Meberi peluang pekerjaan dan gaji yang sama kepada wanita
Equal employment and wage opportunities for women



Keadilan sosial sesama kakitangan
Social fairness among staff



Layanan secara adil pada kakitangan
Impartial treatment towards all staff



Memberi peluang pekerjaan yang sama kepada wanita (Women Empowerment).
Equal employment opportunity for women (Women Empowerment).

Pengendalian Maklum Balas

Bagi memastikan setiap aduan dan maklum balas ditangani dengan pantas dan berkesan, NIOSH menyediakan pelbagai saluran komunikasi untuk dihubungi oleh pelanggan dan juga kakitangan seperti berikut:

1. Sistem Maklum Balas Pelanggan
2. E-Penilaian
3. whistleblower@niosh.com.my
4. Sesi Kaunseling
5. Menyertai Kerohanian
6. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
7. Kesatuan Sekerja (UNION)

Handling Feedback

To ensure that every complaint and feedback is dealt with quickly and effectively, NIOSH provides various communication channels for customers and staff to contact as follows:

1. *Customer Feedback System*
2. *E-Assessment*
3. *whistleblower@niosh.com.my*
4. *Counseling Session*
5. *Spirituality Engagement*
6. *Inter-department Event (MBJ)*
7. *Trade Unions (UNION)*

Program Peningkatan Kemahiran

NIOSH turut mengambil pendekatan proaktif untuk meningkatkan kemahiran pekerja melalui pelaburan pembangunan bakat dan kerjaya kakitangan. Bagi memastikan setiap kakitangan berpeluang meningkatkan kemahiran masing-masing, NIOSH telah menyediakan pelan latihan tahunan untuk mereka menyertai program kesedaran, latihan dan kompetensi. Mereka juga berpeluang menyertai program khusus berkaitan sistem pengurusan dan audit serta diberi peluang memberi maklum balas untuk menambah baik kursus dan latihan yang dijalankan.

Skills Improvement Programme (Upskilling)

NIOSH takes a proactive approach to improving employee skills through investment in staff talent and career development. To ensure that every employee has the opportunity to improve their skills, NIOSH prepared an annual training plan for them to participate in awareness, training and competency programmes. Employees also have the opportunity to participate in specific programmes related to management and audit systems, and are given the opportunity to provide feedback in order to improve the courses and trainings that are conducted.



Komuniti

Melalui khidmat komuniti, NIOSH berhasrat mempromosi gaya hidup sihat dan menggalakkan kakitangannya mengamalkan prinsip "ringan tulang" demi membantu mereka yang memerlukan. Ia juga mampu membentuk keperibadian mulia serta memperkukuh kerjasama di antara kakitangan dan masyarakat. NIOSH komited untuk melaksanakan tanggungjawab sosialnya melalui program yang memberi manfaat kepada masyarakat seperti berikut:

Community

Through community service, NIOSH aims to promote a healthy lifestyle and encourage its staff to practice the principle of "diligence" to help those in need. This principle enables a person to form a noble personality as well as strengthen cooperation between staff and local communities. NIOSH is committed to fulfilling its social responsibility through programmes that benefit the community as follows:

1. Program OSH di Sekolah (OSH in School)



Program OSH di Sekolah (OSH in School) yang telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai, Negeri Sembilan.

OSH in School held at Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai, Negeri Sembilan.

2. Bantuan Mangsa Banjir / *Assistance to Flood Victims*



Program Bantuan Mangsa Banjir untuk meringankan beban kakitangan NIOSH yang terjejas.

Flood Victims Assistance Programme to relief affected NIOSH staff.

3. Program OSHTalk / *OSHTalk Programme*



137 program OSHTalk dianjurkan dari bulan Januari ke Oktober 2023

137 OSHTalk programmes were conducted from January to October 2023

4. Program MITRA / *MITRA Programme*

Program yang dijalankan NIOSH bersama-sama dengan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Perdana Menteri, ini bertujuan untuk memberi latihan kompetensi dan nilai tambah kepada masyarakat India, khususnya dari golongan B40. Sejumlah 1,300 peserta telah mendaftarkan diri untuk menyertai program MITRA di NIOSH. Turut disediakan adalah penginapan dan makanan secara percuma serta elaun latihan.

The MITRA programme conducted by NIOSH together with the Malaysian Indian Community Transformation Unit (MITRA) of the Prime Minister's Department, aims to provide competence training and added value to the Indian community especially from the B40 group. A total of 1,300 participants registered to participate in the MITRA programme at NIOSH. Also provided was free accommodation and food as well as a training allowance.



Memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat India, khususnya golongan B40.

Providing employment opportunities to the Malaysian Indian Community especially the B40 group

Menyediakan 4 pakej kursus di NIOSH
Prepared 4 Course packages at NIOSH

SHO

OSH-C

TTT

SHF

5. Seminar Orang Yang Bertanggungjawab: Penyelia Penginapan dan Kemudahan Pekerja (PPKP) / *Person-in-Charge Seminar: Employee Accommodation and Facility Supervisor (PPKP)*

Seminar ini diadakan bagi menerangkan tanggungjawab majikan, penyedia penginapan berpusat, dan orang yang bertanggungjawab. Antara lain, para peserta didedahkan kepada maklumat berkaitan bahaya, risiko dan prosedur kerja selamat. Semua ini selaras dengan keperluan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Program bermula pada 17 November 2023 dengan sasaran 500 peserta.

This seminar is held to explain the responsibilities of employers, accommodation centre providers, and persons-in-charge. The participants are exposed to information related to hazards, risks, and safe work procedures. All this is in line with the requirements of the Minimum Standards of Housing, Accommodation, and Workers' Facilities Act 1990 (Act 446). The programme began on 17 November 2023 with a target of 500 participants.

Keselamatan dan Kesihatan

1. Laporan Kemalangan dan Penyiasatan

Aspek KKP amat dititikberatkan di NIOSH bagi melindungi para pekerja dan mereka yang berada di premis NIOSH. Oleh kerana insiden atau kemalangan di tempat kerja boleh berlaku pada bila-bila masa, pihak pengurusan NIOSH bertanggungjawab memastikan kakitangannya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan risiko berlakunya insiden atau kemalangan di samping menyediakan persekitaran kerja yang selamat. Berikut adalah perbandingan kemalangan dan penyakit di NIOSH bagi tahun 2022 dan 2023:

Safety and Health

1. Accident Reports and Investigations

The OSH aspect is highly emphasised at NIOSH to protect workers and those who are on NIOSH premises. Since incidents or accidents in the workplace can occur at any time, NIOSH management is responsible for ensuring that its employees take proactive measures to reduce any risk of incidents or accidents while providing a safe work environment. Here is a comparison of accidents and illnesses at NIOSH for 2022 and 2023:

KEMALANGAN / ACCIDENTS

2022

5

2023

3

PENYAKIT / DISEASES

2022

211

2023

12

Namun, perlu dijelaskan bahawa data kemalangan ini adalah gabungan beberapa kategori seperti kemalangan nyaris, kecederaan, kemalangan perjalanan pergi dan balik kerja serta kerosakan harta benda. Manakala penyakit pula merangkumi penyakit pekerjaan dan penyakit berjangkit. Jumlah penyakit pada tahun 2022 lebih tinggi berbanding tahun 2023 disebabkan ramai kakitangan NIOSH yang disahkan positif SARS COVID-19. Laporan sebegini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Alam Sekitar dan Lalu Lintas Jalan Raya NIOSH setiap 3 bulan.

However, it should be clarified that this accident data is a combination of several categories such as near misses, injuries, accidents traveling to and from work, and property damage. While diseases on the other hand include occupational diseases or infectious diseases. The number of illnesses in 2022 is higher than in 2023 due to many NIOSH staff being confirmed positive for SARS COVID-19. These reports will be presented at the NIOSH Occupational Safety and Health, Environment and Road Traffic Committee Meetings every 3 months.

2. Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

NIOSH telah melaksanakan program-program KKP bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kakitangan terhadap kepentingan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan ialah:

3. Ujian Saringan Kesihatan dan Kecerdasan Kakitangan NIOSH.

Aktiviti anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Alam Sekitar dan Keselamatan Trafik Jalan Raya NIOSH (NOSHERTCOM) ini telah dijalankan pada Mac 2022 dengan kerjasama Kluster Kesihatan Pekerjaan. Dibuka untuk kakitangan ibu pejabat NIOSH, aktiviti ini dilaksanakan untuk memberi kesedaran mengenai gaya hidup sihat sambil mengetahui tahap kecergasan dan kesihatan para pekerja. Pelbagai saringan kesihatan telah dibuat untuk menentukan Indeks Jisim Badan (BMI) serta melihat sama ada kakitangan yang terbabit mempunyai masalah darah tinggi atau mempunyai kadar glukos dan kolesterol yang tinggi.

4. Aktiviti Minda Sihat NIOSH

Sempena sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022 yang bertemakan "Kesihatan dan Kesejahteraan Mental Keutamaan Global", NIOSH dengan kerjasama Jawatankuasa Minda Sihat dan NOSHERTCOM, telah menganjurkan program mingguan sepanjang bulan Oktober 2022. Program khas untuk kakitangan NIOSH dan NIOSH Certification Sdn Bhd. Ianya merupakan hasil komitmen pengurusan tertinggi NIOSH untuk mempromosikan kesedaran tentang kepentingan kesihatan mental.

2. Occupational Safety and Health Programme (OSH)

NIOSH implemented OSH programmes to increase staff awareness and knowledge of the importance of a safe and healthy work environment. Among the programmes and activities implemented are:

3. NIOSH Personnel Health and Aptitude Screening Test.

This activity was organised by the NIOSH Occupational Safety and Health, Environment and Road Traffic Safety Committee (NOSHERTCOM), and it was carried out in March 2022 in collaboration with the Occupational Health Cluster. Open to NIOSH headquarters staff, this activity was implemented to raise awareness about healthy lifestyles and to gauge the fitness and health levels of employees. Various health screenings were made to determine Body Mass Index (BMI) and to see if staff have high blood pressure, high glucose or high cholesterol levels.

4. NIOSH Healthy Minds Activities

In conjunction with the celebration of World Mental Health Day 2022, which was themed "Health and Mental Well-being - A Global Priority", NIOSH in collaboration with the Healthy Mind Committee and NOSHERTCOM organised a weekly programme for the month of October 2022. It was a special programme for NIOSH and NIOSH Certification Sdn Bhd staff. This weekly programme was a result of NIOSH top management's commitment to promote awareness of the importance of mental health.



No	Aktiviti Minda Sihat <i>Mental Health Activities</i>	Jumlah Peserta <i>Participant Count</i>
1.	Komunikasi di tempat kerja: hubungan antara individu dan ahli pasukan <i>Workplace communication: relationships between individuals and team mates</i>	100
2.	Relaksasi dan terapi seni / <i>Relaxation & art therapy</i>	23
3.	Terapi senaman kesihatan mental / <i>Mental health exercise therapy</i>	30
4.	Awareness seminar on psychosocial risk management at the workplace <i>Seminar pengenalan kepada pengurusan risiko psikososial di tempat kerja</i>	454

Senaman Kesihatan Minda *Mental Health Exercise*



Gambar 1: Saringan tekanan darah
Image 1: High Blood Pressure Screening



Gambar 2: Penerangan Program
Image 2: Programme Briefing



Gambar 3: Sesi Senaman Kardiovaskular
Image 3: Cardiovascular Exercise Session



Sesi futsal tangan
Image 4: Hand Futsal Session



Gambar 5: Sesi Terapi Relaksasi Imejan Berpandu
Image 5: Guided Imagery Relaxation Therapy Session



Gambar 5: Sesi PNF Tenangkan Diri
Image 5: PNF Cooling Down Session

5. Latihan Penggunaan Peralatan Automated External Defibrillator (AED)

Latihan ini dijalankan khusus untuk kakitangan yang telah dilantik sebagai Orang yang Bertanggungjawab untuk mengendalikan peralatan AED. Alat ini merupakan satu keperluan di bawah KKP di mana mereka yang bertanggungjawab perlu diberikan latihan dan pengetahuan secukupnya mengenai setiap peralatan untuk latihan atau kecemasan yang akan digunakan di dalam premis NIOSH.

5. Training for Automated External Defibrillator (AED) Equipment Use

This training is conducted specifically for personnel who are appointed as Responsible Persons for operating AED equipment. Training for the use of this equipment is a requirement under OSH. Those in charge need to be given sufficient training and knowledge for each equipment as and when it would be used for training or for an emergency on NIOSH premises.



6. Mesyuarat NOSHERTCOM

Mesyuarat ini dilaksanakan setiap 3 bulan sekali di mana pelbagai isu berkaitan dengan KKP, alam sekitar dan keselamatan lalu lintas jalan raya dibincangkan bagi mencapai objektif dan sasaran (OTP) yang ditetapkan.

6. NOSHERTCOM Meeting

This meeting is held once every 3 months in which, various issues related to OSH, the environment, and road traffic safety are discussed to achieve the set objectives and targets (OTP).

7. Pemeriksaan Tempat Kerja (WPI)

Pemeriksaan tempat kerja dilaksanakan setiap bulan di Ibu Pejabat NIOSH manakala 2 bulan sekali di Pejabat Wilayah NIOSH. Ia meliputi keseluruhan tempat kerja di premis NIOSH dan laporan pemeriksaan akan dibentangkan di dalam mesyuarat NOSHERTCOM bagi menentukan langkah kawalan yang berkesan.

7. Workplace Inspection (WPI)

Workplace inspections are conducted monthly at NIOSH Headquarters while at NIOSH Regional Offices on a bi-monthly schedule. It covers the entire workplace on NIOSH premises and inspection reports will be presented at NOSHERTCOM meetings to determine effective control measures.

8. Pemeriksaan Jentera yang Berdaftar oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)


Sebanyak 12 Jentera di dalam premis NIOSH telah berdaftar dengan JKKP dan kesemua jentera tersebut masih sah digunakan dan belum tamat tempoh. Pemeriksaan akan dijalankan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak JKKP. Antara jentera-jentera NIOSH yang berdaftar dengan JKKP adalah seperti berikut:

- 1) Lif
- 2) Monorel Pengangkat
- 3) Monorail Kren
- 4) Penerima Udara Mendatar
- 5) Penerima Air Dancomair
- 6) Autoklaf

8. Inspection of Machinery Registered by the Occupational Safety and Health Department (DOSH)

A total of 12 machines at NIOSH have been registered with DOSH and all the machines are still valid for use and have not expired. The inspections are carried out according to the plan set by the DOSH. Among the NIOSH machines registered with DOSH are as follows:

- 1) Lift
- 2) Hoist Monorail
- 3) Crane Monorail
- 4) Horizontal Air Receiver
- 5) Dancomair Air Receiver
- 6) Autoclave



Pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Inspections conducted by Occupational Safety and Health Department Officers.

9. Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Setiap tahun, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKKP) melaksanakan audit KKP bagi menilai penambahbaikan berterusan proses dan aktiviti yang dijalankan di NIOSH. Penilaian yang dijalankan dikenali sebagai Penilaian KKP di Tempat Kerja (OSHWA).

9. Occupational Safety and Health Audit

Every year, the Department of Safety and Health (DOSH) conducts an Health, Safety and Environmental (HSE) audit to assess continuous improvement of processes and activities carried out at NIOSH. The assessment is known as OSH Workplace Assessment (OSHWA).



10. Taklimat Keselamatan dan Kecemasan Kepada Kontraktor (Tool Box Meeting)

Taklimat keselamatan yang dikenali sebagai Tool Box Meeting diberikan kepada kontraktor yang ingin bekerja di dalam NIOSH. Mereka akan dimaklumkan mengenai aspek keselamatan dan kecemasan sebelum dibenarkan untuk melakukan pekerjaan yang melibatkan risiko yang tinggi. Kontraktor yang ingin menjalankan aktiviti di premis NIOSH diwajibkan untuk menghadiri kursus induksi keselamatan.

10. Safety and Emergency Briefing for Contractors (Tool Box Meeting)

Safety briefings known as Tool Box Meetings are given to contractors who wish to have contractual work at NIOSH. They will be informed about safety and emergency aspects before being allowed to do work that involves high risk. Contractors who wish to conduct activities on NIOSH premises are required to attend a safety induction course.



11. Penggunaan Sistem E-Permit

E-Permit adalah sistem atas talian bagi permohonan aktiviti di dalam premis NIOSH. Penggunaan E-Permit bertujuan untuk mengawal risiko aktiviti yang dijalankan di dalam sesuatu tapak kerja dengan mengetahui jenis kerja, lokasi, peralatan pelindung diri dan peralatan kerja yang digunakan serta maklumat penting yang lain.



11. Use of the E-Permit system

E-Permit is an online system application form to conduct activities on NIOSH premises. The use of E-Permit aims to control risk on activities carried out at a work site by knowing the type of work, location, personal protective equipment and work equipment used as well as other important information.



12. Latihan Tindakan Kecemasan Bagi Kebocoran Gas

Latihan tindakan kecemasan bagi kebocoran gas ini dilaksanakan untuk memberikan pendedahan, terutamanya kepada kakitangan makmal dan ahli NIOSH Emergency First Response Team (NEFT), tentang cara untuk bertindak awal sekiranya berlaku situasi kecemasan. Latihan ini membolehkan mereka untuk bertindak awal dan mengendalikan keadaan apabila berlakunya insiden kebocoran gas di kawasan makmal NIOSH. Latihan tahunan yang dilaksanakan di Ibu Pejabat NIOSH ini merupakan salah satu keperluan utama di dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan KKP ISO 45001:2018 (OSHMS).

12. Emergency Action Training for Gas Leaks

- Pematuhan Regulatori (Regulatory Compliance) – Khidmat rundingan berkaitan pematuhan perundangan oleh pihak majikan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994.
- Khidmat Nasihat (Advisory Services) – Khidmat rundingan berkaitan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat mengikut keperluan sesuatu organisasi.
- Perkhidmatan Teknikal (Technical Services) – Khidmat rundingan berkaitan analisis dan ujian dalam menyediakan pembuktian saintifik bagi sampel-sampel yang dihantar ke makmal OSHECT NIOSH.
- Penyelesaian KKP (OSH Solutions) – Khidmat rundingan berkaitan pembangunan sistem pengurusan dan pemantauan status prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Perkhidmatan yang disediakan oleh CRDD NIOSH selaras dengan misi NIOSH untuk membantu industri meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing. Lebih daripada 50 jenis khidmat rundingan disediakan oleh CRDD NIOSH, dan ianya dikategorikan seperti di Rajah 1.

CONSULTANCY SERVICES

Introduction

Consultation services are one of the main functions at NIOSH in providing more optimal and practical solutions to Occupational Safety and Health (OSH) issues, especially for the industry and also for the public sector as stated in the objectives of the establishment.

Consultation, Research, and Development Department (CRDD) at NIOSH has been operating since 2008 to carry out one of the establishment's core activities which is, OSH related consultation services to the industry for improvements in the workplace. Following are the categories of consultation services provided by CRDD:

- *Regulatory Compliance (RC) - Consultancy services related to legal compliance by the employer in ensuring safety and health in the workplace that is based on the Occupational Safety and Health Act (OSH Act) 1994.*
- *Advisory Services (AS) - Consultancy services related to the implementation of activities in providing a safe and healthy workplace according to the needs of an organisation.*
- *Technical Services (TS) - Consultancy services related to analysis and testing in providing scientific evidence for samples sent to the OSHECT laboratory.*
- *OSH Solutions ((OS) – Consultancy services related to the development of management systems and monitoring the performance status of occupational health and safety at a workplace.*

The services provided by CRDD are in line with the mission of NIOSH to help the industry improve its level of safety and health in their respective workplaces. More than 50 types of consultancy services are provided by CRDD, and they are categorised as noted in Figure 1.



Kategori Khidmat Rundingan NIOSH.
Categories of NIOSH Consultancy Services

PEMATUHAN PERUNDANGAN (RC)

Aktiviti Pematuhan Perundangan yang dijalankan untuk membantu majikan menyelesaikan masalah di tempat kerja dan menyediakan laporan perundangan berdasarkan kepada pematuhan terhadap Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.



PENYELESAIAN KKP (OS)

Confined Space Risk Assessment (CSRA)
 OSH Management System (OSHMS)

Ergonomic Risk Assessment (ERA)



Aktiviti yang dijalankan untuk membantu majikan menyelesaikan masalah di tempat kerja dan menyediakan laporan penyelesaian KKP untuk penambahbaikan tempat kerja.



Safety Audit (SA)
 Baseline Assessment Study (BAS)
 Job Hazard Analysis (JHA) / HIRARC
 Behavior Base Safety (BBS)

KHIDMAT NASIHAT KKP (AS)



Aktiviti perkhidmatan perundingan yang dijalankan untuk membantu majikan menyelesaikan masalah KKP di tempat kerja.



TOTAL WELLNESS HEALTH PROMOTION (TWHF)



HIRARC



CUSTOMIZE TRAINING

INSTITUT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA
NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH
www.niosh.com.my

11

PERKHIDMATAN TEKNIKAL (TS)



Aktiviti yang dijalankan untuk menganalisis sampel dalaman dan luaran untuk parameter yang telah diakreditasi.

- Menjalankan analisis terhadap sampel alam sekitar, biokimia dan mikrobiologi
- Membangunkan Kaedah Ujian dan Pengelesen (Validasi) Ujian
- Makmal Analisis Kebersihan Industri (MAI) - cawangan: Mikrobiologi, Kimia



INSTITUT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA
NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH
www.niosh.com.my

12

Laporan Aktiviti

CRDD merekodkan prestasi yang membanggakan apabila berjaya melaksanakan 91% atau 1,086 projek daripada 1,200 projek yang disasarkan bagi tahun 2023. Pematuhan Regulatori KKP mencatatkan pencapaian tertinggi iaitu 255% dan diikuti oleh Penyelesaian KKP dan Khidmat Nasihat KKP. Jumlah penerimaan dan analisa Jumlah Sampel (TS) pula mencapai 91% daripada sasaran yang ditetapkan. Jumlah sampel yang diterima adalah sebanyak 10,480 sampel berbanding 11,511 sampel yang disasarkan. Walaupun NIOSH telah menerima banyak sampel kajian dari seluruh negara bagi menganalisis kandungan asbestos dan pelarut organik, sampel pelitup muka adalah penyumbang terbesar dalam perkhidmatan di CRDD. Kepercayaan yang diberikan kepada pihak CRDD NIOSH adalah kerana kejayaannya mendapatkan pensijilan Sistem Kualiti Makmal (ISO 17025), dan pengiktirafan sebagai makmal cemerlang selama lebih 10 tahun. Pencapaian aktiviti khidmat rundingan adalah berdasarkan kepada kategori dan jumlah sampel analisis makmal yang dicapai bagi tahun 2023. Informasi ditunjukkan secara terperinci dalam Rajah 2.

Activity Report

CRDD recorded a rewarding performance when it successfully implemented 1,086 projects out of 1,200 projects (91%) that were targeted for the year 2023. OSH Regulatory Compliance recorded the highest achievement of 255% followed by OSH Solutions and OSH Advisory Services. The percentage of received and analysis of Total Samples (TS) reached 91% of the set target. This equates to a total of 10,480 samples received compared to the target set of 11,511 samples. Although NIOSH received many study samples from around the country to analyse asbestos and organic solvent content, face mask samples were the largest contributors to services at CRDD. The trust given to CRDD is due to its success in obtaining the Laboratory Quality System Certification (ISO 17025), and recognition as an excellent laboratory for over 10 years. The achievement of NIOSH consultancy service activities is based on the category and number of laboratory analysis samples achieved for the year 2023. The information is shown in detail in Figure 2.



Rajah 2: Bilangan Aktiviti Khidmat Rundingan Tahun 2023**Figure 2: Total Consulting Activities for the Year 2023**

Kategori Category	Sasaran (Projek) Target (Project)	CRDD					SWRO	SBRO	Jumlah Keseluruhan Projek Selesai Total Completed Projects (Jan-Dec)	Peratus Projek Selesai Jan-Dec Total Percentage Completed Projects (Jan-Dec)	Jumlah Diselesaikan (Jan-Nov) Total Completed (Jan-Nov)	Jumlah Diselesaikan (Dis) Total Completed (Dec)
		HQ	EEC	KTH	KTN	PNG						
Pematuhan Perundangan Regulatory Compliance (RC)	169	247	9	31	49	21	10	14	381	255%	177	204
Penyelesaian KKP OSH Solution (OS)	77	57	0	2	1	2	0	0	62	81%	26	36
Khidmat Nasihat Advisory Services (AS)	49	21	9	1	0	1	0	0	32	65%	26	4
Perkhidmatan Teknikal (TS) Technical Services (TS)	905	592	19	-	-	-	-	-	611	68%	502	109
Jumlah Projek Total Projects	1,200	613	35	18	35	18	8	6	1,086	91%	733	352
Jumlah Sample (TS) Total Samples (TS)	11,511	9,692	788	-	-	-	-	-	10,480	91%	10,302	178

* Bilangan aktiviti mengikut kategori khidmat rundingan dan konsultasi NIOSH yang beroperasi telah dijalankan di Ibu Pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi serta di cawangan-cawangan Pusat Kecemerlangan Ergonomik (EEC) bagi Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru, Melaka dan Pengerang), Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh dan Kuantan), Pejabat Wilayah Utara (Pulau Pinang), Pejabat Wilayah (Sabah), dan juga Pejabat Wilayah (Sarawak).

* The number of activities by category for NIOSH consultancy services that are available, were carried out at the NIOSH Headquarters in Bandar Baru Bangi as well as at the Ergonomic Excellence Centre (EEC) in the Southern Regional Office (Johor Bahru, Melaka and Pengerang), the East Coast Regional Office (Kerteh and Kuantan), Northern Regional Office (Penang), Regional Office (Sabah), and the Regional Office (Sarawak).



Bolehkah ketersediaan tenaga kerja semasa menyokong permintaan industri kini?

Can the current availability of manpower support the present day demands of the industry?

Projek Khidmat Rundingan bagi Pematuhan Regulatori (RC) :

- i. Kualiti Udara Dalam (IAQ)
- ii. Penilaian Bunyi Dalam (NRA)
- iii. Pemeriksaan dan Pengujian Sistem Pengudaraan Ekzos Tempatan (LEV)
- iv. Penilaian Risiko Kimia Kesihatan (CHRA)
- v. Pengawasan Perubatan (MS)
- vi. Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM)

Projek Pematuhan Regulatori (RC) telah dijalankan oleh NIOSH menerusi jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak syarikat dan agensi. Aktiviti ini melibatkan Pakar Teknikal NIOSH serta Orang Yang Kompeten (OYK) NIOSH dan telah dilangsungkan sepanjang tahun 2023.

Consulting Services Project for Regulatory Compliance (RC):

- i. Indoor Air Quality (IAQ)
- ii. Noise Risk Assessment (NRA)
- iii. Local Exhaust Ventilation Examination and Testing (LEV)
- iv. Chemical Hazard to Health Risk Assessment (CHRA)
- v. Medical Surveillance (MS)
- vi. Chemical Exposure Monitoring (CEM)

The Regulatory Compliance Project (RC) was carried out by NIOSH through a network of collaborations with various companies and agencies. These activities involved NIOSH Technical Experts as well as NIOSH Competent Persons, and were carried out in 2023.



Program IAQ di bawah pengurusan CRDD-SBRO telah dijalankan di Blooming Wisdom Offshore Support Vessel di Labuan Anchorage, Sabah.
The IAQ Programme under the management of CRDD-SBRO was conducted at the Blooming Wisdom Offshore Support Vessel in Labuan Anchorage, Sabah.



Program IAQ di Menara Bank Rakyat dan Malaysian Institute of Accountants (MIA), kedua-duanya di Selangor.
IAQ Programme at Menara Bank Rakyat and Malaysian Institute of Accountants (MIA), both in Selangor.




Program NRA di LKPP Ladang Alur Seri dan Ladang Ulu Lepar di Maran, Pahang.
NRA Programme at the LKPP Ladang Alur Seri and Ladang Ulu Lepar in Maran, Pahang.



Program NRA bagi klien Pengurusan Projek CCCC ECRL Section 6 yang bertanggungjawab untuk pembinaan ECRL di Pahang.
NRA Programme for client CCCC ECRL Project Management Section 6 ECRL construction in Pahang.



Aktiviti pemeriksaan LEV di PROTON Sdn Bhd di Tanjung Malim, Perak.
Examining LEV at Proton Sdn Bhd in Tanjung Malim, Perak



Program LEV di Sime Darby Auto Connexion Sdn Bhd (Ford), Selangor.
LEV Programme at Sime Darby Auto Connexion Sdn Bhd (Ford), Selangor.



Aktiviti CHRA telah dilaksanakan di Sime Darby Auto Connexion (Ford) di Kuching, Sarawak
CHRA implemented at Sime Darby Auto Connexion (Ford) in Kuching, Sarawak



Aktiviti CHRA di Sime Darby Auto Connexion Sdn Bhd di Juru dan Butterworth, Pulau Pinang.
CHRA conducted at Sime Darby Auto Connexion Sdn Bhd in Juru and Butterworth, Pulau Pinang



Aktiviti Pengawasan Perubatan (MS) di San Miguel Yamamura Packaging and Printing di Shah Alam, Selangor.
Medical Surveillance (MS) conducted at San Miguel Yamamura Packaging and Printing in Shah Alam, Selangor.



Aktiviti Pengawasan Perubatan (MS) di UIAM Gombak, Selangor
Medical Surveillance (MS) conducted at UIAM Gombak, Selangor



Aktiviti Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM) kepada CEFS RESPONSE di Kertih, Terengganu.
Chemical Exposure Monitoring (CEM) conducted at CEFS RESPONSE in Kertih, Terengganu.



Aktiviti Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM) PS Pipeline.
Chemical Exposure Monitoring (CEM) conducted at PS Pipeline in Dengkil, Selangor.



Aktiviti WISME yang dijalankan di Altfa Technologies Sdn Bhd
WISME conducted at Altfa Technologies Sdn Bhd in Bandar Baru Bangi, Selangor.



Aktiviti WISME Crystal Ice Sdn Bhd di Bukit Bunga, Kelantan
WISME conducted at Crystal Ice Sdn Bhd in Bukit Bunga, Kelantan.

Projek Khidmat Rundingan bagi Penyelesaian KKP (OS):

Consultancy Services Project for OSH Solutions (OS):

- i. Penilaian Risiko Ergonomik (ERA)
- ii. Audit Keselamatan

- i. Ergonomic Risk Assessment (ERA)
- ii. Safety Audit



Aktiviti Pamarapan Penilaian Risiko Ergonomik (ERA) di Public Mutual Berhad, Kuala Lumpur.
Ergonomic Risk Assessment (ERA) at Public Mutual Berhad, Kuala Lumpur.



Aktiviti Pamarapan Penilaian Risiko Ergonomik (ERA) di Cocoaland Sdn Bhd di Rawang, Selangor.
Ergonomic Risk Assessment (ERA) at Cocoaland Sdn Bhd Rawang, Selangor

Projek Audit Keselamatan Elemen Latihan Kem Wawasan Negara Malaysia (MFLS)

Projek Audit Keselamatan dan Kesihatan merupakan projek kerjasama dengan Institut Kepimpinan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-Lead) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Projek ini melibatkan 15 Kem Wawasan Negara (MFLS) di seluruh Malaysia. Elemen - elemen yang terkandung di dalam sesi audit tersebut adalah pemeriksaan dokumentasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) termasuk pembangunan dokumen audit bagi pengurusan kem dan pemeriksaan teknikal latihan fizikal seperti litar kembara halangan dan litar tali tinggi. Pihak NIOSH juga melaksanakan pemeriksaan dan verifikasi peralatan tali tinggi yang digunakan oleh pengurusan kem. Audit ini berdasarkan kepada keperluan perundangan KKP, garis panduan tempatan, dan standard antarabangsa pemeriksaan peralatan perlindungan diri (PPE) oleh inspektor dan juruaudit yang kompeten (OYK).

Training Elements Safety Audit Project for Malaysia Future Leaders School (MFLS)

The Safety and Health Audit Project is a collaborative project with the Institute of Leadership and Leadership Excellence (i-Lead) Malaysia, and the Ministry of Youth and Sports Malaysia. This project involves 15 MFLS Camps throughout Malaysia. The elements contained in the audit session are the inspection of Occupational Safety and Health (OSH) documentation including the development of audit documents for camp management and technical inspection of physical training such as an obstacle course and high rope circuit. NIOSH also carried out inspection and verification on high rope equipment used by camp management. The audit is based on requirements of OSH legislation, local guidelines, and international standards on personal protective equipment (PPE), all of which are conducted by inspectors and competent auditors.



Aktiviti Audit MFLS, dokumentasi dan pemeriksaan fasiliti serta peralatan tali tinggi KWN di Alor Gajah, Melaka.

Audit conducted at MFLS on documentation, facility check and high rope equipment in Alor Gajah, Melaka.



Aktiviti khidmat rundingan Demonstrasi Keselamatan Operasi (DOSO) di LRA Panching dan PAIP Kuantan, Pahang.
Consultancy Services having a demonstration on Safety Operation in LRA Panching and PAIP Kuantan, Pahang.



Projek Pemetaan Gas oleh Pusat Pengurusan Sisa NIOSH untuk Kualiti Alam Sdn Bhd dilaksanakan buat pertama kali di kompleks bersepadu pengurusan bahan sisa terjadual terbesar di Malaysia. Majlis pembentangan dan penyerahan laporan akhir dilaksanakan pada 19 April 2023.

The Gas Mapping Project by NIOSH Waste Management Centre for Kualiti Alam Sdn Bhd was implemented for the first time in the largest integrated complex of scheduled waste management in Malaysia. The presentation ceremony and submission of the final report was held on April 19, 2023.



**Projek Khidmat Rundingan bagi Khidmat Nasihat KKP
(AS for OSH)**

Consultancy Service Project for OSH Solutions (OS)



Aktiviti Analisis Keperluan Penambahbaikan Tempat Kerja (WINA) di Sobena Offshore Sdn Bhd Supply Base di Kemaman, Kelantan.

Work Improvement Needs Analysis (WINA) at Sobena Offshore Sdn Bhd Supply Base in Kemaman, Kelantan.



Aktiviti Analisis Keperluan Penambahbaikan Tempat Kerja (WINA) di Institut Latihan Perindustrian Ipoh, Perak.

Work Improvement Needs Analysis (WINA) at the Industrial Training Institute in Ipoh, Perak.



Program Promosi Kesejahteraan Kesihatan Menyeluruh
(TWHP) Geran Perkeso di Adabi Consumers Sdn Bhd.
*Total Wellness and Health Programme Promotion (TWHP)
Perkeso Grant at Adabi Consumers Sdn Bhd.*



Aktiviti Bengkel Perkongsian Teknikal KKP: Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko, dan Kawalan Risiko (HIRARC) kepada kakitangan PERKESO di Putrajaya, Selangor.

OSH Technical Sharing Workshop: Hazard Identification, Risk Assessment, and Risk Control (HIRARC) for SOCSO staff in Putrajaya, Selangor.



2023
LAPORAN TAHUNAN

**PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN
*RESEARCH AND DEVELOPMENT***

Penyelidikan dan Pembangunan sebagai Teras NIOSH


NIOSH percaya bahawa penyelidikan dan pembangunan merupakan proses penyelesaian jangka panjang bagi setiap isu KKP yang dihadapi oleh industri-industri di Malaysia mahu pun di rantau antarabangsa. Ia juga selaras dengan objektif penubuhan NIOSH seperti yang dinyatakan di dalam Memorandum dan Artikel Persatuan iaitu, menjalankan penyelidikan dalam bidang KKP memberi manfaat dan membawa kebaikan kepada negara. Oleh yang demikian, NIOSH telah memperkenalkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai salah satu fungsi terasnya, seiring dengan program latihan, khidmat rundingan, dan aktiviti penyebaran maklumat KKP.

Secara prinsip, dasar penyelidikan di NIOSH telah dirangka untuk menyelesaikan pelbagai isu-isu yang biasanya dihadapi oleh industri seperti berikut:

Research and Development as the Core Function of NIOSH

NIOSH believes that research and development is a long-term solution process for every OSH issue faced by the industries in Malaysia and globally. It is also in line with the objective of the establishment of NIOSH as stated in the Memorandum and Articles of Association. The research in OSH is beneficial to the country. Therefore, NIOSH introduced research and development (R&D) activities as one of its core functions, along with training programmes, consultancy services, and information dissemination activities that are all related to OSH.

In principle, the research policy at NIOSH was designed to solve various issues commonly faced by the industry and it is as follows:



Kerangka Aktiviti Penyelidikan NIOSH
 Research and Development Activities Structure at NIOSH

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan bermula seawal tahun 2002 untuk membudayakan aktiviti ini di NIOSH. Walau bagaimanapun, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) hanya ditubuhkan secara rasmi di NIOSH mulai tahun 2011. Penubuhan pusat ini menjadi penggerak utama bagi NIOSH untuk terus menerokai bidang penyelidikan dan pembangunan dengan lebih berstruktur. Dengan wujudnya RMC, NIOSH telah menzahirkan beberapa hasrat seperti berikut:

- i. Melaksanakan penyelidikan KKP sebagai penyelesaian isu di industri
- ii. Memangkin penyelidikan berimpak tinggi menerusi kolaborasi strategik
- iii. Mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dalam menjalankan penyelidikan
- iv. Menyelaraskan pelaksanaan penyelidikan menerusi pendekatan pemantauan yang berkesan
- v. Menyebarkan hasil penyelidikan kepada semua pihak berkepentingan melalui platform dan pengantara yang bersesuaian

Research and development activities began as early as 2002 at NIOSH. However, the Research Management Centre (RMC) was only officially established in 2011. The establishment of this centre became the main driving force for NIOSH to continue exploring the field of research and development in a more structured manner. With the existence of RMC, NIOSH expressed several wishes as follows:

- i. Implement research on OSH as a solution to issues in the industry*
- ii. Lead in high-impact research through strategic collaboration*
- iii. Optimising the use of existing resources in conducting research*
- iv. Coordinating the implementation of research through an effective monitoring approach*
- v. Disseminate research results to all stakeholders through appropriate platforms and intermediaries*



NIOSH telah membentuk dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan (JPP) di peringkat Lembaga Pengarah; dan Jawatankuasa Teknikal, Perundingan dan Penyelidikan (JTTP) di peringkat Pengurusan NIOSH bagi menjalankan proses semak-imbang serta menjamin kualiti penyelidikan yang sedang dijalankan.

NIOSH formed two (2) committees namely the Research and Development Committee (RDC) at the Board of Directors level; and the Technical, Consulting and Research Committee (TCRC) at the NIOSH Management level to carry out review processes and guarantee the quality of research being carried out.

Bidang penyelidikan yang dijalankan oleh NIOSH meliputi pelbagai bidang termasuklah:
Research activities spearheaded by NIOSH covers a wide range of fields, including:





Aktiviti Penyelidikan di NIOSH
Research activities at NIOSH

Sebagai rekod, sebanyak 95 projek penyelidikan telah dan sedang dilaksanakan sejak 2015 sehingga 2023 seperti berikut:

For the record, a total of 95 research projects were implemented since 2015 and are currently on-going as follows:

Bil.	Status Projek Penyelidikan / <i>Research Project Status</i> Total	Keseluruhan / <i>Subtotal</i>
1	Projek Siap / <i>Completed Projects</i>	73
2	Projek Sedang Berjalan/ <i>Ongoing Projects</i>	22
Jumlah Keseluruhan / <i>Grand Total</i>		95

Antara projek penyelidikan yang berjaya disempurnakan pada tahun 2023 adalah:

Among the research projects successfully completed in 2023 are:

- i. Simptom COVID Berpanjangan dan Faktor Risiko Berkaitannya di Kalangan Pekerja Industri Pembuatan di Lembah Klang
 - ii. Penilaian ke atas Aplikasi Bunyi dengan Beberapa Jenis Telefon Pintar dalam Ruang Anechoic Bebas
 - iii. Kesan Psikologi dan Kawalan Strategi Antara Kalangan Orang Kompeten KKP Semasa Fasa Pelan Kebangsaan Pemulihan Covid-19 di Malaysia
 - iv. Pengesahan, Kebolehlaksanaan dan Penilaian Prestasi Alat Penilaian Risiko Biologi Kesihatan (BHRA) untuk Sektor Perindustrian di Malaysia
 - v. Kajian tentang Tahap Pencemaran Bakteria dan Keberkesanan Topeng Muka untuk Persekitaran Tempat Bekerja, Masa Pemakaian, dan Fisiologi Kulit
- i. Prolonged COVID Symptoms and its Associated Risk Factors Among Manufacturing Industry Workers in the Klang Valley*
 - ii. Evaluation of Sound Applications with Several Types of Smartphones in a Free Anechoic Chamber*
 - iii. Psychological Effects and Control Strategies Among Competent People in the Health Ministry During the National Plan for the Recovery Phase of Covid-19 in Malaysia*
 - iv. Validation, Feasibility and Performance Evaluation of a Biological Health Risk Assessment (BHRA) Tool for the Industrial Sectors in Malaysia*
 - v. A Study on Bacterial Contamination Levels and Face Mask Effectiveness in Workplace Environments, Duration of Use, and Skin Physiology*

Inisiatif Penyelidikan Malaysia untuk Agenda Nasional (MaRINA 2.0), 2022-2025

Inisiatif Penyelidikan Malaysia untuk Agenda Nasional 2022-2025 siri kedua atau lebih dikenali sebagai MaRINA 2.0 telah dibangunkan melalui Bengkel Halatuju anjuran NIOSH. Bengkel yang diadakan pada Mac 2022 ini disertai oleh 50 individu yang mewakili 24 organisasi pemegang taruh (wakil kerajaan, NGO, industri, dan institut pengajian tinggi). Usaha NIOSH bagi memartabatkan KKP melalui penyelidikan akan lebih berfokus dan dipacu berteraskan MaRINA 2.0.

Diimbis semula sejarah lalu, NIOSH telah membangunkan bidang tujahan penyelidikan pertamanya sebelum ini pada tahun 2013, dan kemudian telah diperbaharui semula pada tahun 2015. Ianya dijenamakan sebagai Inisiatif Penyelidikan Malaysia untuk Agenda Nasional atau MaRINA (2016-2020) sebelum ini.

Halatuju baharu dalam penyelidikan KKP yang dibangunkan oleh NIOSH melalui penglibatan pelbagai pihak pemegang taruh dalam KKP ini, diharapkan dapat menjadi asas dan panduan dalam merancang aktiviti penyelidikan KKP selepas ini, khususnya bagi tempoh 2022 hingga 2025.

Secara dasarnya, MaRINA 2.0 mempunyai objektif yang berikut:

- (i) Mengenal pasti isu dan keperluan KKP semasa industri sebagai agenda
- (ii) Menangani isu dan keperluan KKP melalui kerjasama strategik dalam penyelidikan dan perkongsian penyebaran maklumat dalam kalangan pemegang taruh
- (iii) Mensasarkan keberhasilan penyelidikan bagi menyediakan penyelesaian terhadap isu yang menepati keperluan industri
- (iv) Menilai semula pendekatan yang telah diambil untuk tujuan penambahbaikan

Malaysia Research Initiative for National Agenda (MaRINA 2.0) 2022-2025

The Malaysian Research Initiative for National Agenda 2022-2025 better known as MaRINA 2.0 was developed through the Directional Workshop organised by NIOSH. The workshop held in March 2022 was attended by 50 individuals representing 24 stakeholder organisations (government representatives, NGOs, industry, and higher education institutes). NIOSH resolute efforts on OSH through research will be more focused and driven based on MaRINA 2.0.

Looking back, NIOSH developed its first research thrust in 2013, and later it was renewed again in 2015. Previously it was branded as the Malaysian Research Initiative for the National Agenda or MaRINA (2016-2020).

The new direction in OSH research developed by NIOSH through the involvement of various OSH stakeholders, is expected to be a basis and guide in planning OSH research activities hereafter, especially for the period from 2022 to 2025.

Generally, MaRINA 2.0 has the following objectives:

- (i) Identify the OSH issues and needs of the current industry as an agenda*
- (ii) Addressing the issues and needs of OSH through strategic collaboration in research and sharing information dissemination among stakeholders*
- (iii) Targeting the success of research to provide solutions to issues that meet the needs of the industry*
- (iv) Re-assess the approach that has been taken for the purpose of improvement*



MaRINA 2.0 memperkenalkan 12 bidang fokus penyelidikan KKP terbaharu untuk diutamakan pada tahun 2022 – 2025 seperti berikut:

MaRINA 2.0 introduced 12 new focus areas of OSH research to be emphasised for the period of 2022 – 2025 and it is as follows:

M1 Pengurusan Penuaan Tenaga Kerja Dalam Sektor Kerajaan
Managing the aging workforce in the government sector

M7 Pengurusan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit di Tempat Kerja
Managing and controlling communicable diseases at the workplace

M2 Peningkatan KKP berdasarkan Kualiti Alam Sekitar Dalam
OSH improvements related to indoor environmental quality (IEQ)

M8 Menangani isu psikososial pekerjaan
Addressing psychosocial issues at the workplace

M3 Pencegahan Melalui Seni Reka Ergonomik
Prevention through ergonomic design

M9 Memperkasakan Higen dan Toksikologi Pekerjaan
Empowerment of hygiene and toxicology at the workplace

M4 Peningkatan Pengurusan Risiko KKP
Enhancement of OSH Risk Management

M10 Merangsangkan Budaya KKP dalam Perniagaan SME
Inculcating OSH culture for small and medium size enterprises (SME)

M5 Kos Faedah Elemen Analisis dalam KKP
Cost benefit analysis elements in OSH

M11 Inovasi Teknologi KKP
Technological innovation in OSH

M6 Peningkatan Kapasiti Kemudahan Latihan Dan Penyelidikan KKP
Capacity enhancement of OSH trainings and research facilities

M12 Keselamatan Jalanraya Berkaitan Pekerjaan (WRRS)
OSH work related road safety (WRRS)

Dua belas (12) Bidang Fokus Penyelidikan
Twelve (12) Focus Areas for Research

Geran Penyelidikan Berasaskan Hasil

NIOSH telah memperkenalkan sebuah geran yang dikenali sebagai Geran Penyelidikan Berasaskan Hasil (NIOSH Outcome-based Research Grant). Geran yang dibuka permohonannya sepanjang tahun ini, ditawarkan kepada institut pengajian tinggi dan institut penyelidikan tempatan yang berminat. Selain dipandu oleh 12 bidang fokus MaRINA 2.0, kriteria utama geran ini termasuklah:

- i. Hasil kajian dapat memberikan penyelesaian kepada isu berkaitan KKP
- ii. Hasil kajian dapat menyokong fungsi teras NIOSH
- iii. Hasil kajian berpotensi tinggi untuk dikomersialkan
- iv. Hasil kajian diperoleh melalui penggunaan kemudahan fasiliti, makmal, dan instrumen saintifik NIOSH yang sedia ada

Hasil kajian daripada beberapa program Pindaan Ilmu (Transfer of Knowledge) yang telah dijalankan oleh NIOSH dengan kerjasama bahagian dan jabatan lain adalah seperti berikut:

Outcome-based Research Grant

NIOSH introduced a grant known as the Outcome-based Research Grant for which, applications are open throughout the year. These grants are offered to local higher education institutes and research institutes. In addition to being guided by the 12 focus areas of MaRINA 2.0, the main criteria of this grant include:

- i. The results of the study can provide solutions to OSH related issues
- ii. The results of the study can support NIOSH core functions
- iii. Research results have high potential for commercialisation
- iv. Research results are obtained through the utilisation of NIOSH facilities, laboratories, and scientific instruments

Results from some of the Transfer of Knowledge programmes that were conducted by NIOSH in collaboration with other divisions and departments are as follows:



Pengenalan kepada geran ini secara tidak langsung telah banyak membantu NIOSH mempromosi dan memartabatkan KKP melalui bidang penyelidikan di Malaysia. Untuk rekod, sehingga tahun 2023 sebanyak 30 projek penyelidikan telah dianugerahkan di bawah geran ini. Permohonan baharu juga dibuka sepanjang tahun dan boleh dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) NIOSH melalui rmc@niosh.com.my atau layari laman sesawang NIOSH di <http://www.niosh.com.my> untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

Jurnal KKP (JOSH): Jurnal Rasmi NIOSH

Jurnal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JOSH) JOSH merupakan pengantara rasmi NIOSH bagi menyebarkan maklumat hasil penyelidikan KKP. Pelbagai isu-isu, topik-topik, dan perbincangan teknikal dan ilmiah berkaitan dengan KKP diterbitkan menerusi jurnal ini.

Setiap manuskrip pra-penerbitan akan melalui proses semakan penilai dan disahkan oleh Lembaga Penyunting JOSH yang terdiri daripada para pengamal KKP di industri dan institusi akademik. JOSH menerbitkan dua edisi setiap setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember, dan boleh diakses melalui laman sesawang NIOSH. Proses penerbitan JOSH adalah seperti berikut:

Introduction to this grant has indirectly helped NIOSH to promote and uphold the credibility of OSH through research in Malaysia. For the record, up to the year 2023 as many as 30 research projects were awarded under this grant. New applications are open throughout the year and can be submitted to NIOSH Research Management Centre (RMC) via rmc@niosh.com.my or visit the NIOSH website at <http://www.niosh.com.my> for more information.

NIOSH Official Journal of OSH (JOSH)

The Journal of Occupational Safety and Health (JOSH) is NIOSH official medium for disseminating information on occupational health and safety research. Various issues, topics, and discussions related to technical and scientific content on OSH are published in this journal.

Each pre- publication manuscript will go through a peer review process and will be approved by the JOSH Editorial Board which consists of OSH practitioners from the industry and academic institutions. JOSH publishes two editions each year that is in June and December, and the publications can be accessed through NIOSH website. JOSH publication process is as follows:

1

Hantaran

Manuskrip baru dihantar melalui journal@NIOSH.com.my oleh pengarang

Submission

Author will email new manuscript to journal@niosh.com.my

2

Proses Semakan & Pembetulan

Proses semakan oleh penyemak yang dilantik dan proses pembetulan oleh pengarang manuskrip baharu dijalankan melalui journal@NIOSH.com.my

Peer Review and Corrections

Review process by an appointed reviewer & the correction process by the author of the manuscript is carried out via journal@niosh.com.my

3

Pengesahan

Pengesahan artikel dan penerbitan oleh Lembaga Editorial JOSH

Confirmation

Confirmation & publication of the new article by the JOSH Editorial Board

4

Penerbitan

Penerbitan JOSH oleh NIOSH, Malaysia

Publication

Publication of JOSH by NIOSH Malaysia

NIOSH Sebagai Pusat Kecemerlangan KKP (OSH-COE) 2023

Buat pertama kali, NIOSH telah diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-COE) pada tahun 2023. Butirannya adalah seperti berikut:

Nama Organisasi <i>Name of Organisation</i>	:	Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) <i>National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)</i>
Kategori Organisasi <i>Organisation</i>	:	Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia <i>Agency under the Ministry of Human Resources</i>
Tarikh Kelulusan Pengiktirafan <i>Approval of Recognition Date</i>	:	28 November 2023 <i>28 November 2023</i>
Bidang Tumpuan <i>Area of Focus</i>	:	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) <i>Occupational Safety and Health (OSH)</i>

Proses pengauditan telah dijalankan di NIOSH pada 16 Oktober 2023 untuk meneliti beberapa kriteria, program, dan aktiviti bagi tujuan pembuktian dan pengesahan sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan KKP (OSH-COE). Pengauditan juga melibatkan bahagian dan jabatan lain di NIOSH.

NIOSH As OSH Centre of Excellence (OSH-COE) 2023

For the first time, NIOSH has been recognised as a Centre of Excellence for Occupational Safety and Health (OSH-COE) in 2023. The details are as follows:

The auditing process was carried out at NIOSH on October 16, 2023 to examine several criteria, programmes, and activities for the purpose of proving and confirming the establishment as an OSH Centre of Excellence (OSH-COE). Auditing also involved other divisions and departments in NIOSH.



Pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-COE) ke atas NIOSH adalah berdasarkan komitmen, keupayaan, dan prestasi yang cemerlang dalam memenuhi objektif program iaitu, menjalankan aktiviti pengembangan ilmu, teknologi serta kepakaran dan kemahiran khusus bagi menjayakan Pusat Kecemerlangan KKP NIOSH.

The recognition of NIOSH as a Centre of Excellence for Occupational Safety and Health (OSH-COE) is based on commitment, ability, and excellent performance in meeting the objectives of programmes, namely, carrying out knowledge expansion, technology development activities as well as specialised expertise and skills to establish NIOSH as a successful OSH-COE.



2023
LAPORAN TAHUNAN



**PUSAT PENILAIAN DAN
TEKNOLOGI KAWALAN
KKP (OSHECT)
*OCCUPATIONAL SAFETY
AND HEALTH HAZARD
EVALUATION AND CONTROL
TECHNOLOGY (OSHECT)***

PUSAT PENILAIAN BAHAYA DAN TEKNOLOGI KAWALAN KKP (OSHECT)

Pengenalan OSHECT

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM25 juta untuk membangunkan Pusat Penilaian Bahaya dan Teknologi Kawalan KKP (OSHECT) bagi merealisasikan hak kerajaan dan juga visi dan misi penubuhan NIOSH.

Pembangunan OSHECT ini terdiri daripada pembangunan beberapa buah makmal berteknologi tinggi seperti Makmal Analisa Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (CHL), Makmal Pengurusan Kesihatan Pekerjaan Bersepadu (OHL), Makmal Topeng Habuk (DML), Makmal Pengesahan Peralatan Pencegahan Jatuh (FPETL), Makmal Simulasi Interaktif Peralatan Perlindungan Peribadi (PSL), Makmal Hidrostatik dan Pengisian Semula (HRL), Makmal Penentuukuran Alat Penguji Gas (GCL), Makmal Penentuukuran Peralatan Sainifik (SECL), Makmal Kejuruteraan Forensik (FEL), Makmal Ergonomik Persekitaran (EEL) dan Makmal Penaksiran Ergonomik Manusia (HEAL). Di bawah pembangunan OSHECT juga, adanya dua (2) penambahan makmal baharu iaitu, Makmal Topeng Gas (GML) dan Makmal Topeng Muka dan Perubatan (FMML). Pada tahun 2023 keseluruhan makmal OSHECT telah siap terbina menjadikan keseluruhan makmal OSHECT iaitu sebanyak 13 buah.

OSH HAZARD EVALUATION AND CONTROL TECHNOLOGY CENTRE (OSHECT)

1.0 Introduction to OSHECT

Under the 11th Malaysia Plan (RMK-11), the Malaysian Government through the Ministry of Human Resources allocated financial assistance of RM25 million to develop the OSH Hazard Evaluation and Control Technology Centre (OSHECT), and also to realise the government's rights as well as the vision and mission of NIOSH.

The development of OSHECT consists of the development of several high-tech laboratories such as the Analysis Laboratory of Chemicals Hazardous to Health (CHL), Integrated Occupational Health Laboratory (OHL), Dust Mask Laboratory (DML), Fall Protection Equipment Testing Laboratory (FPETL), PPE Simulation Laboratory (PSL), Hydrostatic and Refill Laboratory (HRL), Gas Tester Calibration Laboratory (GCL), Scientific Equipment Calibration Laboratory (SECL), Forensic Engineering Laboratory (FEL), Environmental Ergonomics Laboratory (EEL), and Human Ergonomics Assessment Laboratory (HEAL). Under the development of OSHECT, there are two (2) new laboratories, namely, the Gas Mask Laboratory (GML) and the Face Mask and Medical Laboratory (FMML). In 2023, the entire OSHECT laboratory was completed, making the total number of OSHECT laboratories at 13.

Objektif keseluruhan projek ini adalah untuk menyediakan kemudahan sokongan bagi aktiviti-aktiviti NIOSH di ibu pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi. Dengan kemudahan ini, pelbagai aktiviti baru akan dapat dijalankan berasaskan permintaan dan trend latihan masa kini. Strategi bagi pembangunan OSHECT adalah seperti rajah di bawah:

The overall objective of this project is to provide support facilities for NIOSH activities at the establishment's headquarters in Bandar Baru Bangi. With this facilities, various new activities can be carried out based on demand and trends related to current training programmes. The strategy for the development of OSHECT is as shown in the diagram below:



Carta Strategi OSHECT
OSHECT Strategy Chart


Carta Organisasi OSHECT

Penambahan tenaga kerja juga telah dilaksanakan dengan tujuan agar sistem pengurusan makmal akan lebih seragam, terancang, dan lebih sistematik. Butiran ringkas carta organisasi tersebut adalah seperti berikut:

OSHECT Organisational Chart

Additional manpower was implemented with the aim that the laboratory management system would be more uniform, planned, and systematic. Brief details of the organisational chart is as follows:

Carta Organisasi OSHECT OSHECT Organisational Chart



ABBREVIATION:	
CHL	CHEMICAL HAZARDOUS TO HEALTH LABORATORY
DML	DUST MASK LABORATORY
FPETL	FALL PROTECTION EQUIPMENT & TESTING LABORATORY
FEL	FORENSIC ENGINEERING LABORATORY
EEL	ENVIRONMENTAL ERGONOMICS LABORATORY
HEAL	HUMAN ERGONOMICS ASSESSMENT LABORATORY
OHL	OCCUPATIONAL HEALTH LABORATORY
GCL	GAS DETECTOR CALIBRATION LABORATORY
HRL	HYDROSTATIC AND REFILLING LABORATORY
PSL	PPE SIMULATION LABORATORY
SECL	SCIENTIFIC EQUIPMENT CALIBRATION LABORATORY
GML	GAS MASK LABORATORY
FMML	FACE AND MEDICAL MASK LABORATORY
LEV	LOCAL EXHAUST VENTILATION LABORATORY
CSS	CONFINED SPACE SIMULATOR

REMARK:	
*	: APPROVED SIGNATORY
N/A	: NOT APPLICABLE
<-XXXX>	: ACCREDITED LABORATORY

Sasaran President Award

Targeting the President Award



Makmal CHL dan GCL telah menerima pengiktirafan Makmal Cemerlang bagi Anugerah Laboratory Excellence Award 2023 anjuran Institut Kimia Malaysia (IKM). Sehingga tahun 2023, makmal CHL adalah penerima Anugerah Silver Award bagi kecemerlangan makmal dua belas (12) tahun berturut-turut oleh pihak IKM. Sasaran seterusnya adalah untuk mencapai Anugerah President Award pada tahun 2025 dan Gold Award pada tahun 2026 bagi kecemerlangan makmal lima belas (15) berturut-turut daripada Institut Kimia Malaysia (IKM). Anugerah ini membuktikan kecemerlangan perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap makmal NIOSH adalah konsisten kepada para pelanggannya, dan seterusnya meningkatkan kepercayaan orang awam dan industri lain untuk mendapatkan perkhidmatan analisis di makmal NIOSH.

CHL and GCL laboratories received recognition as Outstanding Laboratories for the Laboratory Excellence Award 2023 organised by the Malaysian Chemical Institute (IKM). As of 2023, the CHL laboratory is the recipient of the Silver Award after receiving the excellence awards for twelve (12) consecutive years. The next target is to achieve the President Award in 2025 and the Gold Award in 2026 for receiving the excellence awards for fifteen (15) consecutive years from IKM. This award proves the excellent services offered by NIOSH laboratories are consistent, and further increase the confidence of the public and other industries to obtain analytical services from them.

Projek dan Sampel OSHECT Bagi Tahun 2023 (sehingga 31 Disember 2023)

Sasaran projek dan sampel OSHECT bagi tahun 2023 adalah 11,511 sampel dan 905 projek. Setiap tahun, sasaran yang ditetapkan semakin meningkat dari tahun-tahun sebelumnya.

OSHECT Projects and Samples for the Year 2023 (until 31 December 2023)

OSHECT projects and samples targets for 2023 are 11,511 samples and 905 projects. Every year, the set targets are increased from the previous years.

Makmal / Laboratory	Sampel / Samples	Projek / Projects
Makmal Analisa Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (CHL) <i>Chemical Hazardous Laboratory (CHL)</i>	8,503	414
Makmal Topeng Habuk (DML) <i>Dust Mask Laboratory (DML)</i>	290	34
Makmal Pengesahan Peralatan Pencegahan Jatuh (FPETL) <i>Fall Protection Equipment Testing Laboratory (FPETL)</i>	90	6
Makmal Penentuukuran Alat Penguji Gas (GCL) <i>Gas Detector Calibration Laboratory (GCL)</i>	114	19
Makmal Hidrostatik dan Pengisian Semula (HRL) <i>Hydrostatics and Refilling Laboratory (HRL)</i>	-	-
Makmal Penentuukuran Peralatan Sainifik (SECL) <i>Scientific Equipment Calibration Laboratory (SECL)</i>	80	-
Makmal Kejuruteraan Forensik (FEL) <i>Forensic Engineering Laboratory (FEL)</i>	4	2
Makmal Penaksiran Ergonomik Manusia (HEAL) <i>Human Ergonomics Assessment Laboratory (HEAL)</i>	406	12
Makmal Ergonomik Persekitaran (EEL) <i>Environmental Ergonomics Laboratory (EEL)</i>	382	7
Makmal Pengurusan Kesihatan Pekerja Bersepadu (OHL) <i>Occupational Health Laboratory (OHL)</i>	486	13
Makmal Simulasi Interaktif Peralatan Perlindungan Peribadi (PSL) <i>PPE Simulation Laboratory (PSL)</i>	29	-
Makmal Topeng Muka dan Perubatan (FMML) <i>Face Mask Medical Laboratory (FMML)</i>	63	9
Makmal Topeng Gas (GML) <i>Gas Mask Laboratory (GML)</i>	33	-

Pembangunan Fasiliti Dan Peralatan Makmal

Makmal OSHECT telah dibangunkan dari tahun 2016 melalui geran RMK-11. Bagi menjamin kualiti dan servis makmal pada tahun 2022, terdapat pembangunan fasiliti dan peralatan makmal. Butiran adalah seperti berikut:

Facility and Laboratory Equipment Development

The OSHECT laboratory was developed since 2016 through a RMK-11 grant. In order to guarantee the quality and service of the laboratory, starting 2022 the development of laboratory facilities and equipment began. The details are as follows:

BIL	PEMBANGUNAN FASILITI DAN PERALATAN MAKMAL DEVELOPMENT OF FACILITY AND LABORATORY EQUIPMENT	MAKMAL LABORATORY
1.	Peralatan / <i>Equipment</i> : 1. Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry (ICP-MS) 2. Mercury Analyzer 3. X-ray Diffraction (XRD) Ultima IV 4. X-ray Fluorescence (XRF) NEX DE 5. Ion Chromatography (IC) 6. Polarized Light Microscopy (PLM) 7. Micro Analytical Balance (XPE 26DR)	CHL
2.	Peralatan / <i>Equipment</i> : 1. TSI High Flow Automated Filter Tester System 2. Breathing Machine with Double Ended Main Lung 3. Humidifier 4. Sheffield Head 5. Filter Shaker 6. Breathing Resistance Measuring Equipment 7. Large NaCl Atomizer 8. NaCl Flame Photometer 9. Treadmill 10. Flammability Test Rig System 11. Supplementary CO ₂ Test Equipment System 12. Dolomite Dust Test Equipment System 13. Paraffin Oil Filter Test Equipment System 14. Compressed Air Generator	DML
3.	Peralatan / <i>Equipment</i> : 1. Static Strength Room 2. Climatic Chamber Room 3. Dynamic Performance Peralatan Menara / <i>Tower Equipment</i> : 1. Universal Testing Machine (UTM) 2. Dynamic Performance Force Measurement Instrument 3. Climatic Chamber Machine 4. Dead weight	FPETL

BIL	PEMBANGUNAN FASILITI DAN PERALATAN MAKMAL DEVELOPMENT OF FACILITY AND LABORATORY EQUIPMENT	MAKMAL LABORATORY
NISS 2023 was held at the Kuala Lumpur Convention Centre on 14 March 2023, and the seminar involved a total of 150 participants from all related industries.



Sesi mengambil gambar bersama penceramah, peserta, dan ahli jawatankuasa NISS 2023.
Photo session with speakers, participants, and NISS 2023 committee members.

Aktiviti / *Activity* : Majlis Penyerahan Sijil Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001) kepada Majlis Perbandaran Sandakan / *Anti-Bribery Management System Certificate Award Ceremony (ISO 37001) to the Sandakan Municipal Council*

Tarikh / *Date* : 21 Mac 2023 / *21 Mar 2023*

Tempat / *Venue* : Majlis Daerah Sandakan, Sabah / *Sandakan District Council, Sabah*

Majlis Penyerahan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001) diadakan bagi penganugerahan sijil kepada Majlis Perbandaran Sandakan di atas pencapaian mereka dalam memenuhi piawai bagi sistem pengurusan tersebut.

Majlis ini dianjurkan oleh NIOSHCert Pejabat Wilayah Sabah dan telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification Sdn. Bhd., Dr. Haji Sharudin bin Shari.

The Anti-Bribery Management System Award Ceremony (ISO 37001) was held to present certificates to the Sandakan Municipal Council for their achievement in meeting the standards of their management system.

This event was organised by NIOSHCert Sabah Regional Office and attended by NIOSH Certification Sdn. Bhd. Board Member, Dr. Haji Sharudin bin Shari.



Majlis Penyampaian Sijil Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ISO 37001) kepada Majlis Perbandaran Sandakan. / *Special Ceremony to present the Anti-Bribery Management System (ISO 37001) certificate to the Sandakan Municipal Council.*

Aktiviti / *Activity* : Kunjungan Hormat NIOSHCert Ke Petroleum Sarawak Berhad (PETROS)
Courtesy visit by NIOSHCert to Petroleum Sarawak Berhad (PETROS)

Tarikh / *Date* : 14 Jun 2023 / *14 June 2023*

Tempat / *Venue* : Ibu Pejabat PETROS di Kuching, Sarawak / *PETROS Headquarters in Kuching, Sarawak*

Kunjungan hormat oleh NIOSHCert ke Ibu Pejabat Berhad (PETROS) bertujuan untuk membincang dengan lebih terperinci mengenai kolaborasi di antara kedua-dua pihak dalam menjayakan proses persijilan Sistem Pengurusan Bersepadu bagi ISO 9001, ISO 45001, dan ISO 14001.

Lawatan ini dianjurkan oleh Pejabat NIOSHCert Wilayah Sarawak dan dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSHCert, Tuan Thomas Balan Bang.

NIOSHCert made a courtesy visit to Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) to discuss in details the collaboration to successfully implement the Integrated Management System for ISO 9001, ISO 45001, and ISO 14001.

The visit was organised by NIOSHCert Sarawak Regional Office, and chaired by NIOSHCert Board Member, Tuan Thomas Balan Bang.



Kunjungan Hormat NIOSHCert ke Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) pada 14 Jun 2023 bertempat di Ibu Pejabat PETROS di Kuching, Sarawak.

Courtesy Visit by NIOSHCert to Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) on 14 June 2023.

Aktiviti / *Activity* : Pertemuan Perbincangan di antara NIOSHCert dan Kementerian Kerja Raya Sabah
Meeting between NIOSHCert and Sabah Ministry of Public Works

Tarikh / *Date* : 21 Jun 2023 / *21 Jun 2023*

Tempat / *Venue* : Pejabat Kementerian Kerja Raya Sabah / *Ministry of Public Works Office Sabah*

NIOSHCert Wilayah Sabah menganjurkan pertemuan di antara Ahli Lembaga Pengarah NIOSHCert iaitu, Datuk Hajah Rosmawati Haji Lasuki dan Dr. Haji Sharudin bin Shari dengan Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya Sabah, YB. Datuk Ir. Shahelmy Bin Yahya untuk membincangkan kolaborasi di antara kedua-dua pihak tersebut bagi menjalankan proses persijilan ISO bagi Kementerian Kerja Raya Sabah.

NIOSHCert Sabah Regional Office organised a meeting between NIOSHCert Board of Directors members namely, Datuk Hajah Rosmawati Haji Lasuki and Dr. Haji Sharudin bin Shari with Deputy Chief Minister III / Sabah Public Works Minister, YB. Datuk Ir. Shahelmy Bin Yahya to discuss the collaboration between both parties to carry out the ISO certification process for the Sabah Ministry of Public Works.



Pertemuan Perbincangan di antara NIOSHCert dan Kementerian Kerja Raya Sabah pada 21 Jun 2023, bertempat di pejabat Kementerian Kerja Raya Sabah.

Meeting between NIOSHCert and the Ministry of Public Works Sabah on 21 June 2023, held at the Sabah Public Works Ministry office.

Aktiviti / *Activity* : Kunjungan Hormat NIOSHCert Ke Kementerian Pengangkutan Sarawak
Courtesy visit by NIOSHCert to the Ministry of Transport Sarawak

Tarikh / *Date* : 24 September 2023 / *24 September 2023*

Tempat / *Venue* : Pejabat Kementerian Pengangkutan Sarawak / *Sarawak Ministry of Transport Office*

NIOSHCert telah mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Pengangkutan Sarawak dengan tujuan membincang dengan lebih mendalam mengenai proses persijilan ISO 39001 dan ISO 37001. Kunjungan hormat ini dianjurkan oleh Pejabat NIOSHCert Wilayah Sarawak dan disertai oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSHCert, Tn. Thomas Balan Bang. Beliau membincang dengan YB. Dato Sri Lee Kim Shin mengenai kolaborasi di antara kedua-dua pihak tersebut.

NIOSHCert held a courtesy visit to the Sarawak Ministry of Transport. The aim was to discuss in depth regarding the ISO 39001 and ISO 37001 certification process. This courtesy visit was organised by the NIOSHCert Sarawak Regional Office and was joined by NIOSHCert Board Member, Tn. Thomas Balan Bang. He discussed with YB. Dato Sri Lee Kim Shin on the collaboration between both parties.



Kunjungan Hormat NIOSHCert ke Kementerian Pengangkutan Sarawak pada 24 September 2023, bertempat di Pejabat Kementerian Pengangkutan Sarawak.
Courtesy Visit by NIOSHCert to the Ministry of Transport Sarawak on 24 September 2023, located at the Sarawak Ministry of Transport office.

Aktiviti / <i>Activity</i>	: Siri Seminar Amalan Integriti dan Kesihatan & Keselamatan di Tempat Kerja dalam Memperkasakan Kelestarian Organisasi <i>Seminar on Workplace Integrity and Health and Safety Practice in Empowering Organisational Sustainability.</i>
Tarikh / <i>Date</i>	: 16 Ogos, 22 & 23 Ogos, 20 September, 11 Oktober, 30 November <i>16, 22 and 23 August, 20 September, 11 October, and 30 November</i>
Tempat / <i>Venue</i>	: Sabah, Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang (<i>Penang</i>)

NIOSHCert telah menjalankan siri seminar bagi tahun 2023 bertajuk Amalan Integriti dan Kesihatan & Keselamatan di Tempat Kerja dalam Memperkasakan Kelestarian Organisasi. Siri seminar yang dianjurkan ini bermula di Sarawak dan seterusnya ke Sabah, Johor, Kuala Lumpur dan berakhir di Pulau Pinang.

Objektif utama seminar ini adalah untuk memberikan kesedaran terhadap kepentingan dan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) dalam pengurusan tempat kerja. Pada masa yang sama, untuk meningkatkan kefahaman terhadap kepentingan tadbir urus yang cekap di tempat kerja bagi pelaksanaan SPKKP. Seminar ini juga memberi maklumat berkaitan proses pembangunan piawai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Siri seminar ini dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSHCert di negeri-negeri yang disebutkan. Jemputan dihulurkan kepada beberapa agensi iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Standard Malaysia (JSM), Perbadanan Produktiviti Malaysia (PPM), Institut Integriti Malaysia (IIM) serta rakan industri.

NIOSHCert conducted a series of seminars for the year 2023 titled Integrity and Health & Safety Practices at the Workplace in Empowering Organisational Sustainability in Malaysia. This seminar series began in Sarawak before it was held in Sabah, Johor, Kuala Lumpur and concluded in Penang.

The main objective of this seminar was to provide awareness of the importance and effectiveness of an Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) for workplace management. At the same time it was also held to increase understanding on the importance of efficient governance in the workplace prior to implementing OSHMS. This seminar provided information on processes related to development of standards at the national and international level.

This series of seminars was officiated by NIOSHCert Board Members in the abovementioned states. Invitations were also extended to several agencies such as the Department of Occupational Safety and Health (DOSH), the Malaysian Standards Department (MSD), the Productivity Corporation of Malaysia (PCM), the Integrity Institute of Malaysia (IIM) and other industry partners.



Seminar Amalan Integriti, Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja dalam Memperkasakan Kelestarian Organisasi di Citadines Uplands Kuching, Sarawak pada 16 Ogos 2023.
Integrity, Health and Safety Practices at the Workplace in Empowering Organisational Sustainability Seminar held at Citadines Uplands Kuching, Sarawak on 16 August 2023.



Seminar Memperkasakan Kelestarian Melalui Standard ISO: Rasai Pengalamannya di Sabah International Conventional Centre pada 22 dan 23 Ogos 2023.
Empowering Sustainability Through ISO Standards: Feel the Experience Seminar held at the Sabah International Conventional Centre 22 and 23 August 2023.



Seminar Amalan Integriti dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja dalam Memperkasakan Kelestarian Organisasi di Swiss-Garden Hotel, Kuala Lumpur pada 11 Oktober 2023.
Integrity Practices and Occupational Safety and Health at the Workplace in Empowering Organisational Sustainability Seminar held at the Swiss-Garden Hotel, Kuala Lumpur on 11 October 2023.



Seminar Amalan Integriti, Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja dalam Memperkasakan Kelestarian Organisasi di Impiana Hotel, Johor Bahru pada 20 September 2023.

Integrity, Health and Safety Practices at the Workplace in Empowering Organisational Sustainability Seminar held at Impiana Hotel, Johor Bahru on 20 September 2023.



Seminar Merangkul Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Transformasi Industri Peralatan Perubatan di The Ship Campus, Batu Kawan, Pulau Pinang pada 30 November 2023.

Embracing Occupational Safety and Health in the Transformation of the Medical Equipment Industry Seminar held at The Ship Campus, Batu Kawan, Penang on 30 November 2023.



2023

LAPORAN TAHUNAN

**BAHAGIAN PENGURUSAN
KUALITI (QMD)
*QUALITY MANAGEMENT
DIVISION (QMD)***

SISTEM PENGURUSAN

Sesi Audit Dalaman Tahun 2023

NIOSH telah melaksanakan audit dalaman bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya (RTSMS). Audit dalaman telah diadakan dari 13 Jun hingga 6 Julai 2023 di 17 Pejabat Wilayah (RO) dan Pejabat Satelit manakala dari 10 hingga 13 Julai 2023 di Ibu Pejabat (HQ) NIOSH di Bandar Baru Bangi. Semua pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi semasa proses audit dijalankan. Berdasarkan analisa penemuan audit, tahap keakuran dan keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan di NIOSH adalah baik dan memenuhi keperluan piawai minima yang telah ditetapkan.

Jadual 1: Pelaksanaan Audit Dalaman NIOSH bagi tahun 2023

MANAGEMENT SYSTEM

Internal Audit Session Year 2023

NIOSH conducted internal audits for Quality Management Systems (QMS), Occupational Safety and Health Management System (OSHMS), Environmental Management System (EMS), Anti-Corruption and Bribery Management System (ABMS), and Road Traffic Safety Management System (RTSMS). The internal audit was held from 13 June to 6 July 2023 at 17 Regional Offices (RO) and Satellite Offices while from 10 to 13 July 2023 at the NIOSH Headquarters (HQ) in Bandar Baru Bangi. All parties involved showed a high level of commitment during the audit process. Based on the analysis of audit findings, the level of compliance and effectiveness of the implementation of the management systems at NIOSH is good and meets the requirements of the minimum standards that were set.

Table 1: Implementation of NIOSH Internal Audits for the year 2023

Tarikh / Date	Lokasi / Location
13 Jun 2023	PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR (KOTA BHARU) ECRO-KBH EAST COAST REGIONAL OFFICE (KOTA BHARU) ECRO-KBH
13 - 14 Jun 2023	PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR (KERTEH) ECRO-KTH EAST COAST REGIONAL OFFICE (KERTEH) ECRO-KTH
15 Jun 2023	PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR (KUANTAN) ECRO-KTN EAST COAST REGIONAL OFFICE (KUANTAN) ECRO-KTN
19 Jun 2023	PEJABAT WILAYAH SELATAN (PENGERANG) SRO-PRG SOUTHERN REGIONAL OFFICE (PENGERANG) SRO-PRG Pejabat Wilayah Utara Alor Setar (NRO-AOR)
20-21 Jun 2023	PEJABAT WILAYAH SELATAN (JOHOR BAHRU) SRO-JBU SOUTHERN REGIONAL OFFICE (JOHOR BAHRU) SRO-JBU PEJABAT WILAYAH UTARA (PENANG) NRO-PNG NORTHERN REGIONAL OFFICE (PENANG) NRO-PNG
22 Jun 2023	PEJABAT WILAYAH SELATAN (MELAKA) SRO-MLK SOUTHERN REGIONAL OFFICE (MELAKA) SRO-MLK PEJABAT WILAYAH UTARA (MANJUNG) NRO-MJG NORTHERN REGIONAL OFFICE (MANJUNG) NRO-MJG
3-4 Jul 2023	PEJABAT WILAYAH SABAH (KOTA KINABALU) SBRO-KK SABAH REGIONAL OFFICE (KOTA KINABALU) SBRO-KK PEJABAT WILAYAH SARAWAK (MIRI) SWRO-MRI SARAWAK REGIONAL OFFICE (MIRI) SWRO-MRI

Tarikh / Date	Lokasi / Location
4 Jul 2023	PEJABAT WILAYAH SABAH (SANDAKAN) SBRO-SDK <i>SABAH REGIONAL OFFICE (SANDAKAN) SBRO-SDK</i> PEJABAT WILAYAH SARAWAK (BINTULU) SWRO-BTU <i>SARAWAK REGIONAL OFFICE (BINTULU) SWRO-BTU</i>
5-6 Jul 2023	PEJABAT WILAYAH SABAH (LABUAN) SBRO-LBN <i>SABAH REGIONAL OFFICE (LABUAN) SBRO-LBN</i>
5 Jul 2023	PEJABAT WILAYAH SARAWAK (KAPIT) SWRO-KPT <i>SARAWAK REGIONAL OFFICE (KAPIT) SWRO-KPT</i> PEJABAT WILAYAH SARAWAK (KUCHING) SWRO-KCH <i>SARAWAK REGIONAL OFFICE (KUCHING) SWRO-KCH</i>
6 Jul 2023	PEJABAT WILAYAH SABAH (TAWAU) SBRO-TWU <i>SABAH REGIONAL OFFICE (TAWAU) SBRO-TWU</i>
10-13 Jul 2023	IBU PEJABAT NIOSH <i>NIOSH HEADQUARTERS</i>

Audit Badan Pensijilan Intertek Tahun 2023

Intertek Certification International Sdn Bhd telah menjalankan Audit Badan Pensijilan secara serentak dengan audit pengawasan QMS, OSHMS, dan EMS dari 4 hingga 14 September 2023 di Ibu Pejabat Bandar Baru Bangi (HQ), Pejabat Wilayah Sarawak Kapit (SWRO-KPT), dan Pejabat Wilayah Sarawak Bintulu (SWRO-BTU). Secara keseluruhan, pihak badan pensijilan berpuas hati dengan tahap keakuratan dan keberkesanan pelaksanaan QMS, OSHMS, dan EMS di NIOSH.

Intertek Certification Body Audit Year 2023

Intertek Certification International Sdn Bhd conducted a Certification Audit simultaneously with a QMS, OSHMS, and EMS surveillance audit from 4 to 14 September 2023 at NIOSH Headquarters Bandar Baru Bangi (HQ), Sarawak Regional Office Kapit (SWRO-KPT), and Sarawak Regional Office Bintulu (SWRO-BTU). Overall, the certification body is satisfied with the level of compliance and effectiveness of QMS, OSHMS, and EMS implementation at NIOSH.



Rajah 1: Sijil Audit Badan Pensijilan Intertek

KEPUASAN PELANGGAN

Pengurusan Aduan Pelanggan

Pengurusan Aduan Pelanggan merupakan salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti (QMD) bagi memastikan setiap aduan dan pertanyaan daripada pelanggan diberi maklum balas dalam tempoh masa 8 jam waktu bekerja. Prosedur Pengurusan Aduan Pelanggan disediakan untuk memberi panduan dan penerangan tatacara pengurusan aduan pelanggan bagi memastikan pengurusan aduan dan maklum balas daripada pelanggan NIOSH di seluruh Malaysia dapat dikendalikan dengan cekap, teratur dan berkesan. Hasil Laporan Aduan Pelanggan akan dijadikan rujukan bagi penambahbaikan berterusan ke atas produk dan perkhidmatan NIOSH di masa hadapan.

PENILAIAN TENAGA PENGAJAR, PROGRAM DAN KEMUDAHAN

Dalam usaha memastikan kualiti penyampaian produk dan perkhidmatan NIOSH berada pada tahap cemerlang, QMD telah menjalankan penilaian di atas talian sepenuhnya bagi tahun 2023. Ia merangkumi penilaian tenaga pengajar, program dan kemudahan berdasarkan maklum balas daripada peserta kursus. Secara keseluruhannya, hasil daripada ketiga-tiga skop penilaian ini menunjukkan perkhidmatan yang diberikan oleh NIOSH berada pada tahap cemerlang. Bagi mengukuhkan lagi penilaian tersebut, 81 program penaziran juga telah dilaksanakan terhadap tenaga pengajar yang terpilih. Objektif penaziran ini adalah untuk memantau prestasi tenaga pengajar NIOSH berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.

CUSTOMER SATISFACTION

Customer Complaint Management

Customer Complaint Management is one of the main activities carried out by the Quality Management Division (QMD) to ensure every complaint and inquiry from customers is responded to within 8 working hours. Customer Complaint Management procedures are given to provide guidance and explanation for customer complaint management procedures so as to ensure that the management of complaints and feedback from NIOSH customers throughout Malaysia can be handled efficiently, orderly and effectively. The results of the Customer Complaint Report will be used as a reference for continuous improvement of NIOSH products and services in the future.

EVALUATION OF TRAINERS, PROGRAMMES, AND FACILITIES

In an effort to ensure the quality of delivery of NIOSH products and services is at its best, QMD conducted a full online evaluation for the year 2023. It includes evaluation of trainers, programmes, and facilities based on feedback received from course participants. Overall, the results of the three evaluation scopes indicate that the services provided by NIOSH are excellent. In order to further strengthen the assessment, 81 assessment programmes were also implemented for selected teaching staff. The objective of this assessment was to monitor the performance of NIOSH instructors based on established guidelines.

Peratusan Keseluruhan Penilaian di atas Penanda Aras mengikut kategori (Jan-Dis 2023)
Overall Assessment Percentage and Achieved Bench Mark per Category (Jan-Dec 2023)

Pengajar / *Teacher*

98%

Program / *Programmes*

98%

Kemudahan / *Facilities*

97%



2023
LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

**AKTIVITI PEPERIKSAAN
DAN PENILAIAN
*EXAMINATION AND
ASSESSMENT ACTIVITIES***

AKTIVITI PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN (ECD)

Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD) bertanggungjawab sebagai pusat peperiksaan bagi melaksanakan peperiksaan dan penilaian termasuk kompetensi perundangan untuk semua Penyedia Latihan yang diluluskan pendaftarannya oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Aktiviti peperiksaan kompetensi perundangan adalah di bawah kawalan dan pemantauan Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP). Manakala, aktiviti peperiksaan dan penilaian kompetensi bukan perundangan anjuran NIOSH adalah di bawah kawalan dan pemantauan Jawatankuasa Peperiksaan NIOSH (JPN).

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan penilaian yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia pada tahun 2023.

Jadual 1: Aktiviti Peperiksaan dan Penilaian

EXAMINATION AND ASSESSMENT ACTIVITIES

The Examination and Certification Division (ECD) is responsible as an examination centre for conducting examinations and assessments. It includes regulatory competency for all Training Providers whose registration is approved by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH). Regulatory competency examination activities are under the direction and monitoring of the Board of Examination for Competency in Occupational Safety and Health while non-regulatory examination and competency assessment activities organised by NIOSH are under the jurisdiction and monitoring of the NIOSH Examination Committee (NEC).

Following are the examinations and assessments activities conducted throughout Malaysia in 2023.

Table 1: Examination and Assessment Activities

Aktiviti Peperiksaan dan Penilaian <i>Examination and Assessment Activities</i>	Jumlah Program <i>Total of Programmes</i>	Jumlah calon <i>Total of Candidates</i>
Peperiksaan Kompetensi Perundangan <i>Regulatory Competency Examinations</i>	965	19,453
Peperiksaan Kompetensi Bukan Perundangan <i>Non-regulatory Competency Examinations</i>	3,052	48,446
Peperiksaan Jurulatih <i>Trainer Examinations</i>	81	877
JUMLAH / TOTAL	4,098	68,776

Aktiviti Peperiksaan dan Penilaian
Examination and Assessment Activities



4,098

Jumlah calon
Total of Candidates



68,776

Tahun 2023 menunjukkan sebanyak 4,098 aktiviti peperiksaan dan penilaian telah dijalankan dengan jumlah calon seramai 68,776 calon.

Peperiksaan Penguji Gas Bertauliah Dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES) mencatatkan jumlah calon paling ramai iaitu seramai 5,796 orang calon dengan 448 kali kekerapan aktiviti peperiksaan dan penilaian telah diadakan.

Peperiksaan Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) adalah peperiksaan kompetensi perundangan kedua tertinggi dengan jumlah calon seramai 4,140 melalui 9 peperiksaan berjadual yang telah diadakan untuk menampung jumlah calon tersebut.

Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) adalah peperiksaan kompetensi perundangan yang mempunyai jumlah calon ketiga paling ramai bagi tahun 2023, iaitu seramai 3,052 calon. Bagi tahun yang sama, Peperiksaan SHO telah dijalankan sebanyak 9 kali, dan merangkumi di Ibu Pejabat NIOSH di Bandar Baru Bangi, Senai (Johor), Melaka, Manjung (Perak), Pulau Pinang, Kuantan (Pahang), Kerteh (Terengganu), Kuching, Bintulu dan Miri (Sarawak) serta Sandakan dan Tawau (Sabah).

Untuk tahun 2023, lokasi peperiksaan SHO dan SSS telah bertambah ke 15 lokasi untuk setiap peperiksaan masing-masing pada tarikh peperiksaan yang telah ditetapkan.

For the year 2023, a total of 4,098 examination and assessment activities were carried out. It involved 68,776 candidates.

Authorised Gas Tester and Entry Supervisor (AGTES) examination recorded the highest number of candidates at 5,796 in total for 448 examination and assessment activities.

The Site Safety Supervisor (SSS) examination was the second highest regulatory competency examination with total of 4,140 candidates in which, 10 scheduled examinations were held to accommodate the large number of candidates.

The Safety and Health Officer (SHO) examination, another regulatory competency examination and it had the third largest number of candidates for the year 2023 at 3,053 in total. For the same year, the SHO Examination was conducted 9 times. They were held at the NIOSH Headquarters in Bandar Baru Bangi, Senai (Johor), Melaka, Manjung (Perak), Penang, Kuantan (Pahang), Kerteh (Terengganu), Kuching, Bintulu and Miri (Sarawak); and lastly, Sandakan and Tawau (Sabah).

For the year 2023, the locations for SHO and SSS exams was increased to 15 locations for each exam respectively with a fixed scheduled date.



Jadual 2: Jenis Peperiksaan / Penilaian dan Jumlah Calon

Table 2: Types of Examination / Assessment and Number of Candidates

Peperiksaan kompetensi perundangan / Regulatory competency examinations				
Bil. No.	Jenis Peperiksaan / Penilaian Types of Examination / Assessment	Kod Program Programme Code	Bilangan Peperiksaan Number of Examinations	Bilangan Calon Number of Candidates
1.	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan <i>Safety and Health Officer</i>	SHO	12	3,052
2.	Penyelia Keselamatan Tapak Bina <i>Site Safety Supervisor</i>	SSS	9	4,140
3.	Operator Kren / <i>Crane Operator</i>	COP	213	1,941
4.	Pengendali Perancah Tahap Asas / <i>Basic Scaffolder</i>	BSC	7	65
5.	Doktor Kesihatan Pekerjaan <i>Occupational Health Doctor</i>	OHD	5	1,460
6.	Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Gas Tester and Entry Supervisor for Confined Space</i>	AGTES	448	5,796
7.	Latihan Semula Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Gas Tester and Entry Supervisor for Confined Space Refresher</i>	AGTES-R	252	2,517
8.	Juruteknik Higien 1 (Pemantauan Kimia) <i>Hygiene Technician 1 (Chemical Monitoring)</i>	HT1	4	85
9.	Juruteknik Higien 2 (Pemeriksaan, Pengujian dan Penilaian Peralatan Kawalan Kejuruteraan) <i>Hygiene Technician 2 (Inspection, Testing and Examination of Engineering Control Equipment)</i>	HT2	3	57
10.	Penaksir Risiko Bising / <i>Noise Risk Assessor</i>	NRA	3	104
11.	Penaksir Kualiti Udara Dalam <i>Indoor Air Quality Assessor</i>	IAQ	3	42
12.	Penaksiran Risiko Kimia kepada Kesihatan <i>Chemical Health Risk Assessor</i>	CHRA	6	194
13.	Jururawat Kesihatan Pekerjaan <i>Occupational Health Nurse</i>	OHN	5	126
14.	Penaksir Hilang Upaya Perubatan Bertauliah <i>Certified Medical Impairment Assessor</i>	CMIA	3	255
15.	Pengendalian Selamat Trak Angsun <i>Safe Handling of Forklift Truck</i>	SHFT	10	96

Peperiksaan kompetensi perundangan / <i>Regulatory competency examinations</i>				
Bil. No.	Jenis Peperiksaan / Penilaian <i>Types of Examination / Assessment</i>	Kod Program <i>Programme Code</i>	Bilangan Peperiksaan <i>Number of Examinations</i>	Bilangan Calon <i>Number of Candidates</i>
16.	Bekerja Selamat di Tempat Tinggi <i>Working Safely at Height</i>	WAH	286	4,079
17.	Orang yang dibenarkan Masuk dan Orang yang Menjaga bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space</i>	AESP	1,584	22,637
18.	Latihan Semula Orang yang dibenarkan Masuk dan Orang yang Menjaga bagi Ruang Terkurung <i>Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space Refresher</i>	AESP-R	1,029	14,704
19.	Keselamatan bagi Kemasukan ke Ruang Inert <i>Inert Space Entry</i>	IET	2	34
20.	Latihan Semula Keselamatan bagi Kemasukan ke Ruang Inert <i>Inert Space Entry Refresher</i>	IET-R	2	22
21.	Menyelamat di Ruang Terkurung dan Tindakan Awalan <i>Confined Space Rescue and First Response</i>	CSR	5	42
22.	Asas Pertolongan Cemas Pekerja <i>Basic Occupational First Aid</i>	BOFA	86	931
23.	Orang Terlatih Ergonomik bagi Penilaian Risiko Ergonomik Awal <i>Ergonomic Trained Person for Initial Ergonomics Risk Assessment</i>	ERA1	21	271
24.	Orang Terlatih Ergonomik bagi Penilaian Risiko Ergonomik Lanjutan <i>Ergonomic Trained Person for Advanced Ergonomic Risk Assessment</i>	ERA2	4	26
25.	Asas Rigging dan Slings / <i>Basic Ringing and Slings</i>	BRS	7	109
26.	Keselamatan Pengendalian Jet Air Bertekanan Tinggi <i>Safe Operation of High Pressure Water Jetting</i>	HPWJ	8	114
27.	Jurulatih bagi Program Keselamatan Ruang Terkurung <i>Confined Space Trainer</i>	CST	3	26
28.	Jurulatih Keselamatan dan Kesihatan Pembinaan <i>Construction Safety and Health Trainer</i>	CHST	4	32
29.	Program Latihan Kompetensi Tenaga Pengajar KKP OSH <i>Train The Trainer Competency Based Programme</i>	TTT1	63	773

Peperiksaan kompetensi perundangan / Regulatory competency examinations				
Bil. No.	Jenis Peperiksaan / Penilaian <i>Types of Examination / Assessment</i>	Kod Program <i>Programme Code</i>	Bilangan Peperiksaan <i>Number of Examinations</i>	Bilangan Calon <i>Number of Candidates</i>
30.	Pengurusan Latihan untuk Perniagaan <i>Training Management for Business</i>	TTT2	1	4
31.	Peperiksaan NIOSH-TM Safety Passport – program jurulatih <i>Niosh-tm Safety Passport Examination – Trainer’s Programme</i>	TTT-NTMSP	3	9
32.	Peperiksaan Air-Selangor NIOSH Safety Passport - Program Jurulatih <i>Selangor Water NIOSH Safety Passport Examination- Trainer’s Programme</i>	TTT-NNSP	1	1
33.	Peperiksaan NIOSH-OM Materials Safety Passport – Program Jurulatih <i>NIOSH-OM Materials Safety Passport Examination - Trainer’s Programme</i>	TTT-NOMSP	2	11
34.	Peperiksaan Pasport Keselamatan E-Idaman – Program Jurulatih <i>E-Idaman Safety Passport Examination – Trainer’s Programme</i>	TTT-EISP	1	3
35.	Peperiksaan NIOSH Jabil Pasport Keselamatan – Program Jurulatih <i>NIOSH Jabil Safety Passport Examination - Trainer’s Programme</i>	TTT-NJSP	1	9
Jumlah / Total			4,098	68,776

Jadual 3: Sijil Kelayakan & Sijil Jurulatih**Table 2:** Certificate of Qualification & Trainer's Certificate

BIL. NO.	SIJIL KELAYAKAN CERTIFICATE OF QUALIFICATION	TAHUN 2023 YEAR 2023
1.	Sijil Kelayakan AGTES / <i>Certificate of Qualification AGTES</i>	3,320
2.	Sijil Kelayakan AGTES-R / <i>Certificate of Qualification AGTES-R</i>	2,148
3.	Sijil Kelayakan CHRA / <i>Certificate of Qualification CHRA</i>	37
4.	Sijil Kelayakan HT1 / <i>Certificate of Qualification HT1</i>	11
5.	Sijil Kelayakan HT2 / <i>Certificate of Qualification HT2</i>	5
6.	Sijil Kelayakan Kren Berantai / <i>Certificate of Qualification Crawler Crane</i>	187
7.	Sijil Kelayakan Kren Menara / <i>Certificate of Qualification Tower Crane</i>	132
8.	Sijil Kelayakan Kren Beroda / <i>Certificate of Qualification Mobile Crane</i>	480
9.	Sijil Kelayakan IAQ / <i>Certificate of Qualification IAQ</i>	4
10.	Sijil Kelayakan NRA / <i>Certificate of Qualification NRA</i>	20
11.	Sijil Kelayakan OHD / <i>Certificate of Qualification OHD</i>	373
12.	Sijil Kelayakan SHO / <i>Certificate of Qualification SHO</i>	435
13.	Sijil Kelayakan SSS / <i>Certificate of Qualification SSS</i>	631
14.	Sijil Kelayakan BOFA / <i>Certificate of Qualification BOFA</i>	691
15.	Sijil Kelayakan CMIA / <i>Certificate of Qualification CMIA</i>	227
16.	Sijil Kelayakan ERA 1 / <i>Certificate of Qualification ERA 1</i>	180
17.	Sijil Kelayakan ERA 2 / <i>Certificate of Qualification ERA 2</i>	18
18.	Sijil Kelayakan OHN / <i>Certificate of Qualification OHN</i>	60
19.	Sijil Kelayakan TTT 1 / <i>Certificate of Qualification TTT 1</i>	842
20.	Sijil Kelayakan TTT 2 / <i>Certificate of Qualification TTT 2</i>	9
21.	Sijil Kelayakan WAH / <i>Certificate of Qualification WAH</i>	1,455
JUMLAH / TOTAL		11,265

BIL. NO.	SIJIL JURULATIH TRAINER'S CERTIFICATE	TAHUN 2023 YEAR 2023
1.	Sijil Jurulatih CSHT / <i>Trainer's Certificate CSHT</i>	27
2.	Sijil Jurulatih CST / <i>Trainer's Certificate CST</i>	10
3.	Sijil Jurulatih TTT-EIS / <i>Trainer's Certificate TTT-EIS</i>	16
4.	Sijil Jurulatih TTT-NCS / <i>Trainer's Certificate TTT-NCS</i>	18
5.	Sijil Jurulatih NOMSP / <i>Trainer's Certificate NOMSP</i>	6
6.	Sijil Jurulatih NTMSP / <i>Trainer's Certificate NTMSP</i>	46
7.	Sijil Jurulatih NTSLP / <i>Trainer's Certificate NTSLP</i>	26
8.	Sijil Jurulatih PRHP / <i>Trainer's Certificate PRHP</i>	55
JUMLAH / TOTAL		204

Gambar Sesi Peperiksaan
Examination Session Photos



Gambar 1: Sesi Peperiksaan SHO
Image 1: SHO Examination Session



Gambar 2: Sesi Peperiksaan OHN
Image 2: OHN Examination Session



Gambar 3: Sesi Taklimat Peperiksaan NRA
Image 3: NRA Examination Briefing Session



2023
LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

**PEJABAT-PEJABAT
WILAYAH
*REGIONAL OFFICES***

PEJABAT WILAYAH UTARA (NRO) NORTHERN REGIONAL OFFICE (NRO)

NRO PULAU PINANG

YB. Menteri Sumber Manusia Tn. V. Sivakumar telah mengadakan lawatan ke pejabat NIOSH Wilayah Utara (NRO) di Jalan Bertam 2, Kepala Batas, Pulau Pinang pada 13 Julai 2023 dan seterusnya merasmikan pejabat baharu tersebut.

Ketibaan YB. Menteri disambut oleh pihak pengurusan NIOSH yang diketuai oleh Pengarah Eksekutif Tn. Hj. Ayop Salleh dan warga kerja NIOSH Pulau Pinang. Para peserta kursus dan tenaga pengajar turut bersama meraikan kehadiran beliau dan berpeluang beramah mesra dengan YB. Menteri.

NRO PENANG

YB. Menteri of Human Resources Mr. V. Sivakumar visited NIOSH Northern Regional Office (NRO) at Jalan Bertam 2, Kepala Batas, Penang on 13 July 2023 and subsequently inaugurated the new office.

The arrival of YB. Minister was welcomed by the management of NIOSH led by its Executive Director Tn. Mr. Ayop Salleh and Penang NIOSH employees. The course participants and teaching staff also honoured his presence and had the opportunity to interact with YB. Minister.



NRO ALOR SETAR

Pejabat NRO Alor Setar telah memulakan operasi secara rasmi pada 1 April 2023. Terletak di dalam Bangunan Souq Albukhary di Bandaraya Alor Setar, pembukaan pejabat ini adalah untuk memudahkan pekerja, majikan dan pihak industri dari Kedah dan Perlis untuk mendapatkan khidmat latihan, maklumat dan konsultasi berkaitan KKP.

NRO ALOR SETAR

NRO Alor Setar officially began operations on 1 April 2023. Located in the Souq Albukhary Building Alor Setar City, the opening of this office is to facilitate employees, employers, and industry partners from Kedah and Perlis to obtain training, information, and consultancy services relevant to OSH.



Perasmian Pejabat Wilayah Utara Alor Setar (NRO – ALS)

YB. Menteri Sumber Manusia Tn. V. Sivakumar dan YB. Timbalan Menteri Sumber Manusia Tn. Ts. Mustapha Sakmud membuat lawatan dan seterusnya merasmikan pejabat NRO Alor Setar pada 30 Julai 2023.

Pada majlis itu juga, YB. Menteri turut melancarkan Program Pasport Keselamatan E-Idaman (EISP). Beliau menyampaikan sijil penghargaan kepada penggubal modul serta kad EISP kepada para peserta. Tetamu terhormat turut dibawa melihat bahagian derma darah, pameran dari Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, pameran berkaitan kitar semula di E-Idaman serta lori kitar semula dan demonstrasi Unit Latihan Bergerak (MTU) NIOSH.

NRO Alor Setar Office Inauguration Ceremony (NRO-ALS)

YB. Minister of Human Resources Mr. V. Sivakumar and YB. Deputy Minister of Human Resources Mr. Ts. Mustapha Sakmud visited and subsequently inaugurated NRO Alor Setar office on 30 July 2023.

At that event too, YB. The Minister also launched the E-Idaman Security Passport Programme (EISP). He presented certificates of appreciation to the writers of the module as well as EISP cards to the participants. Distinguished guests were also taken to see the blood donation section, an exhibition from the Kedah State Health Department, an exhibition related to recycling at E-Idaman as well as a recycling truck and a demonstration of the NIOSH Mobile Training Unit (MTU).



NRO MANJUNG

Lebih 30 program telah dilaksanakan dan disertai oleh NRO Manjung sepanjang tahun 2023. Antara program menarik adalah seperti berikut:

KARNIVAL KURSUS AESP DI IPOH

Karnival Ruang Terkurung (AESP/AESP-R) telah diadakan di Hotel Excelsior, Ipoh pada 10 Mac 2023 dan berjaya menarik lebih 200 peserta untuk menyertai pelbagai kursus dan program anjuran NIOSH.

AESP COURSE CARNIVAL IN IPOH

The Confined Space Carnival (AESP/AESP-R) was held at Hotel Excelsior, Ipoh on 10 March 2023. It successfully attracted more than 200 participants to register for various courses and programmes organised by NIOSH.

NRO MANJUNG

More than 30 programmes were implemented and participated by NRO Manjung during the year 2023. Among the stimulating programmes are as follows:



LAWATAN KE AKADEMI KTM BATU GAJAH DAN CRRC ROLLING STOCK CENTRE (MALAYSIA) SDN BHD

Lawatan kerja Pejabat NIOSH Manjung ke Akademi KTM (MyRA) dan CRRC Rolling Stock Centre (Malaysia) Sdn Bhd di Batu Gajah, Perak turut disertai oleh Pengarah JKKP Perak Dr. Rabaayah Daud. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk membincangkan isu-isu KKP dan program kerjasama yang boleh diadakan di antara NIOSH, JKKP Perak, MyRA dan CRRC.

VISIT TO BATU GAJAH KTM ACADEMY AND CRRC ROLLING STOCK CENTRE (MALAYSIA) SDN BHD

NIOSH Manjung Office held a working visit to KTM Academy (MyRA) and CRRC Rolling Stock Centre (Malaysia) Sdn Bhd in Batu Gajah, Perak. They were joined by Perak DOSH Director Dr. Rabaayah Daud. The purpose of this work visit was to discuss OSH issues and possible cooperation programmes between NIOSH, DOSH Perak, MyRA and CRRC.



MINGGU LATIHAN KEBANGSAAN (NTW) 2023

NIOSH menyertai program NTW anjuran HRDCORP PERAK di Universiti Petronas Perak pada 22 Mei 2023. NTW merupakan inisiatif inovasi yang menghimpunkan organisasi serta individu dari pelbagai latar belakang dan industri untuk menerokai peluang pembelajaran dan pembangunan kerjaya.

NATIONAL TRAINING WEEK (NTW) 2023

NIOSH participated in the NTW programme organised by HRDCORP PERAK at University Petronas Perak on 22 May 2023. NTW is an innovation initiative that brings together organisations and individuals from various backgrounds and industries to explore learning and career development opportunities.



TVET DAN KERJAYA UNTUK ORANG ASLI

Pihak NIOSH turut terlibat dalam Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Kerjaya Orang Asli pada 23 Jun 2023, bertempat di Orang Asli One Stop Centre Bawong di Sungai Siput, Perak. Sepanjang program, pasukan NIOSH turut mengadakan pameran interaktif, dan demonstrasi program latihan KKP yang dianjurkan oleh NIOSH. Program ini termasuk cara bekerja selamat di tempat tinggi.

TVET AND CAREER FOR NATIVES

NIOSH was also involved in the Orang Asli Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Career Programme. The event was held on 23 June 2023, located at the Orang Asli One Stop Centre Bawong in Sungai Siput, Perak. During the programme, NIOSH team held an interactive exhibition, and a demonstration of the OSH training programme created by NIOSH. This programme includes methods to work safely at height.



KERJASAMA ANTARA NIOSH DAN KOLEJ COSMOPOINT

Delegasi Kolej Cosmopoint mengunjungi pejabat NRO Manjung pada 15 September 2023. Mereka mengadakan rundingan untuk menganjurkan program Pasport Keselamatan (serta menggunakan kemudahan NIOSH untuk warga kolej tersebut. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk menganjurkan program KKP secara bersama di premis Kolej Cosmopoint.

COLLABORATION BETWEEN NIOSH AND COSMOPOINT COLLEGE

A delegation from Cosmopoint College visited NRO Manjung office on 15 September 2023. They held negotiations to organise Safety Passport Programmes (as well as utilise NIOSH facilities for the college's staff and students). Both parties also agreed to jointly organise OSH programmes on the premises of Cosmopoint College.



KERJASAMA DENGAN KOLEJ FELCRA

NRO Manjung telah mengadakan lawatan kerja ke Kolej Felcra di Kampung Gajah pada 9 November 2023 bagi membincang mengenai program kerjasama di antara kedua-dua pihak. Antara program yang bakal dilaksanakan adalah kempen kesedaran dan ceramah berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja untuk kakitangan dan pelajar-pelajar Kolej Felcra.

COLLABORATION WITH COLLEGE FELCRA

NRO Manjung held a working visit to College Felcra in Kampung Gajah on 9 November 2023 to discuss cooperation programmes between both parties. Among the programmes that would be implemented are awareness campaigns and talks related to safety and health in the workplace for staff and students of the college.

OPERASI PENGUATKUASAAN PERBURUHAN SECARA BERSEPADU DI NEGERI PERAK

NRO Manjung turut menyertai Operasi Penguatkuasaan Perburuhan Secara Bersepadu di Negeri Perak pada 11 Disember 2023. Operasi anjuran Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak ini turut disertai oleh agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen (JIM), PERKESO dan Majlis Perbandaran. Tujuan operasi ini dilaksanakan adalah bagi mempertingkatkan pematuhan majikan terhadap Akta Kerja 1995, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 di samping akta-akta perburuhan yang lain.

INTEGRATED LABOUR ENFORCEMENT OPERATIONS IN PERAK STATE

NRO Manjung participated in an Integrated Labour Enforcement Operation in Perak on 11 December 2023. This operation was organised by the Perak State Department of Manpower. It was joined by other agencies such as the Royal Malaysian Police (PDRM), the Immigration Department (JIM), SOCSO, and the local municipal council. The purpose of this operation was to improve employers' compliance to the Employment Act 1995, the National Wage Consultation Council Act 2011, the Housing, Accommodation and Employee Facilities Minimum Standards Act 1990, and other relevant labour acts.



PEJABAT WILAYAH SELATAN (SRO) SOUTHERN REGIONAL OFFICE (SRO)

Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru (SRO-JB)
Southern Regional Office Johor Bahru (SRO-JB)



Ergolympik 2024

Pusat Kecemerlangan Ergonomik (EEC) di Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru (SRO-JB) telah menghadiri persidangan 4th International Biennial Ergonomics Design & Intervention Competition (Ergolympic 2024) pada 16 dan 17 Ogos 2023 di Pelangi Beach Resort & Spa Langkawi anjuran Human Factor and Ergonomics Malaysia Conference (HFEM). Pada persidangan tersebut, pihak NIOSH telah memenangi Anugerah Emas bagi kategori korporat/industri melalui pembentangan kajian bertajuk Hose Roller for Firefighter yang disampaikan oleh En. Ismail Abdul Rahman, Pemangku Pengurus NIOSH Wilayah Selatan. Kajian tersebut melibatkan para penyelidik NIOSH, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Pusat Penyelidikan Kebommbaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Ergolympics 2024

The Ergonomics Excellence Center (EEC) from the Southern Regional Office Johor Bahru (SRO-JB) attended the 4th International Biennial Ergonomics Design & Intervention Competition Conference (Ergolympic 2024) on 16 and 17 August 2023 at Pelangi Beach Resort & Spa Langkawi organised by Human Factor and Ergonomics Malaysia Conference (HFEM). At the conference, NIOSH won the Gold Award for the corporate/industry category presenting a study titled Hose Roller for Firefighter by Mr. Ismail Abdul Rahman, Acting Manager of NIOSH Southern Region. The study involved researchers from NIOSH, University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), and the Fire Research Centre, Malaysian Fire and Rescue Department.



Kunjungan Hormat Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

Pada 8 Oktober 2023, JTM mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru (SRO-JB) yang diketuai Ketua Pengarah En. Shakib Ahmad Sahir, Timbalan Ketua Pengarah Ts. Kamaruzaman Md Ali, dan Pengarah Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang Ts. Dr Alina A. Rahman@Othman. Mereka disambut oleh wakil pihak pengurusan NIOSH iaitu Setiausaha Eksekutif Mejar (B) Hj. Hanif Maidin, Pemangku Pengurus Kanan Bahagian Korporat Pn. Noorliza Idawati Mat Nayan, dan Pemangku Pengurus SRO-JB En. Ismail Abdul Rahman. Pihak JTM telah dibawa melihat kemudahan yang terdapat di premis SRO-JB seperti pejabat kakitangan, bilik latihan, dewan, hostel serta hangar untuk aktiviti latihan praktikal.

Courtesy visit by the Department of Manpower (JTM)

On 8 October 2023, JTM paid a courtesy visit to the Southern Regional Office Johor Bahru (SRO-JB) led by Director General Mr. Shakib Ahmad Sahir, Deputy Director General Ts. Kamaruzaman Md Ali, and Director of Pasir Gudang Industrial Training Institute Ts. Dr. Alina A. Rahman@Othman. They were welcomed by the representatives from NIOSH management namely, Executive Secretary Major (B) Hj. Hanif Maidin, Acting Senior Manager of the Corporate Division Mrs. Noorliza Idawati Mat Nayan, and SRO-JB Acting Manager Mr. Ismail Abdul Rahman. JTM was toured the facilities available at the SRO-JB premises such as staff offices, training rooms, halls, hostels and hangars for practical training activities.

Pejabat Wilayah Selatan Melaka (SRO-MLK)

Pelbagai program dilaksanakan dan disertai oleh SRO-MLK. Ringkasan program tersebut adalah seperti berikut:

Southern Regional Office Melaka (SRO-MLK)

Various programmes were implemented and participated by SRO-MLK. A summary of these programmes are as follows:



Tempat: Kolej Vokasional Melaka Tengah | Pelajar Jabatan Perniagaan.
Venue: Melaka Central Vocational College | Business Department students.



Tempat: Kolej Vokasional Melaka Tengah | Pelajar Jabatan Kimpalan.
Venue: Melaka Central Vocational College | Students from the Welding Department.



Tempat: Kolej Vokasional Jasin
| Guru dan Kakitangan Kolej.
*Venue: Jasin Vocational
College | College Teachers and
Staff.*



Tempat: Politeknik Merlimau
| Jabatan Pelancongan dan
Hospitaliti.
*Venue: Merlimau Polytechnic
| Department of Tourism and
Hospitality.*



Tempat: Politeknik Merlimau |
Jabatan Kejuruteraan Awam.
*Venue: Merlimau Polytechnic /
Civil Engineering Department.*



Tempat: Kolej Antarabangsa
Unifield | Jabatan Kejuruteraan
Elektrik.
*Venue: Unifield International
College | Electrical Engineering
Department.*



Pameran Jelajah MADANI Bersama Menteri
Kementerian Sumber Manusia.
Tempat: Mydin Pulau Sebang, Tampin.
*MADANI Tour Exhibition with the Minister from
the Ministry of Human Resources.
Venue: Mydin Pulau Sebang, Tampin.*



Pameran Jelajah MADANI Bersama Menteri
Kementerian Sumber Manusia.
Tempat: Mydin Pulau Sebang, Tampin.
*MADANI Tour Exhibition with the Minister from the
Ministry of Human Resources.*
Venue: Mydin Pulau Sebang, Tampin.



Pameran Keselamatan dan Kesihatan.
Tempat: Malaysian Refining Company Sdn Bhd.
Safety and Health Exhibition.
Venue: Malaysian Refining Company Sdn Bhd.



Pameran Keselamatan dan Kesihatan.
Tempat: Mahkota Parade.
Safety and Health Exhibition.
Venue: Mahkota Parade.




Pameran Keselamatan dan Kesihatan.
Tempat: Mahkota Parade.
Safety and Health Exhibition.
Venue: Mahkota Parade.



Pameran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Peringkat Negeri Melaka.
Tempat: Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd.
Melaka State Health and Safety Exhibition Week.
Venue: Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd.

GAMBAR AKTIVITI KURSUS KOMPETENSI 2023
PHOTOS FROM THE COMPETENCE COURSE ACTIVITIES 2023



Orang Dibenarkan Masuk dan Orang Bersedia Masuk Ruang Terkurung (AESP).
Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space (AESP).



Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES).
Authorised Gas Tester and Entry Supervisor for Confined Space (AGTES).



Asas Tali-temali dan Ikatan Anduh (BRS).
Basic Rigging and Slings (BRS).



Asas Pengendalian Selamat Trak Angsun.
Basic Safe Handling of Forklift Truck.



Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) – Lawatan ke Tapak.
Safety and Health Officer (SHO) - Site Visit.



Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD).
Occupational Health Doctor (OHD).



Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WAH).
Working Safely at Height (WAH).



Penyelia Keselamatan Tapak (SSS) - Lawatan ke Tapak.
Site Safety Supervisor (SSS) - Site Visit.



Koordinator Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
(OSH-C).
Occupational Safety and Health Coordinator (OSH-C).

GAMBAR AKTIVITI KURSUS KESEDARAN 2023
PHOTOS FROM AWARENESS COURSE ACTIVITIES 2023



Pemanduan Selamat dan Defensif (SDD).
Safe and Defensive Driving (SDD).

GAMBAR AKTIVITI KURSUS JURULATIH 2023
PHOTOS FROM TRAINER COURSE ACTIVITIES 2023



Program Kompetensi KKP Latih Pelatih
(OSH - TTT).
*OSH Train the Trainer Competency
Programme (OSH - TTT).*

GAMBAR AKTIVITI KURSUS PASPORT KESELAMATAN 2023
PHOTOS FROM SAFETY PASSPORT COURSE ACTIVITIES 2023



Pasport Keselamatan Minyak dan Gas (OGSP).
Oil and Gas Safety Passport (OGSP).



NIOSH-TENAGA Pasport Keselamatan (NTSP).
NIOSH-TENAGA Safety Passport (NTSP).



NIOSH-TM Pasport
Keselamatan (NTMSP).
*NIOSH-TM Safety Passport
(NTMSP).*



Pasport Keselamatan
Operasi Lebuh Raya (EOSP).
*Expressway Operations
Safety Passport (EOSP).*



Sistem Pasport Keselamatan
Kontraktor (CSPS) – Semua
Risiko.

*Contractor Safety Passport
System (CSPS) - All Risks.*

PEJABAT WILAYAH TIMUR (ECRO) EAST COAST REGIONAL OFFICE (ECRO)

ECRO Kerteh

Bagi tahun 2023, ECRO Kerteh berjaya menjalankan program utama seperti berikut:

MoU antara NIOSH Arkema Thiochemicals

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara NIOSH dan Arkema Thiochemicals Sdn Bhd diadakan di pejabat ECRO Kerteh pada 15 Ogos 2023. Program ini dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi Arkema dan ECRO Kerteh. Fokus utama MoU tersebut adalah untuk merangkakan kerjasama di antara kedua-dua pihak.

Antara lain, kerjasama tersebut membolehkan NIOSH mengadakan lawatan ke kemudahan Arkema Thiochemicals serta menghantar kakitangan dan peserta kursus untuk latihan-latihan berkaitan. Kakitangan NIOSH juga berpeluang untuk mempelajari proses yang dilaksanakan di loji syarikat berkenaan selain daripada bekerjasama dengan tenaga pakar Arkema Thiochemicals untuk membangunkan modul latihan berkaitan dengan KKP.

ECRO Kerteh

For the year 2023, ECRO Kerteh successfully carried out its main programmes as follows:

MoU between NIOSH and Arkema Thiochemicals

A memorandum of understanding (MoU) was signed between NIOSH and Arkema Thiochemicals Sdn Bhd. The ceremony was held at the ECRO Kerteh office on 15 August 2023. For this event, the top management of Arkema and ECRO Kerteh were in attendance. The main focus of the MoU was to build a working cooperation platform between both parties.

Furthermore, the collaboration allows NIOSH to visit the Arkema Thiochemicals facility as well as to send NIOSH staff and course participants for relevant trainings. NIOSH staff would also have the opportunity to learn about processes that are implemented at the company's plant. In addition, NIOSH would have the privilege to work with Arkema Thiochemicals' experts to develop training modules related to OSH.



Majlis menandatangani MoU di antara NIOSH dan Arkema Thiochemicals di Dewan ECRO Kerteh.
MoU signing ceremony between NIOSH and Arkema Thiochemicals in the Kerteh ECRO Hall.



Majlis menandatangani MoU di antara NIOSH dan Arkema Thiochemicals di Dewan ECRO Kerteh.
MoU signing ceremony between NIOSH and Arkema Thiochemicals in the Kerteh ECRO Hall.



Pihak pengurusan tertinggi Arkema Thiochemicals turut membuat lawatan ke bilik pembelajaran dan tapak simulator ruang terkurung di ECRO Kerteh selepas majlis menandatangani MoU.
Top management from Arkema Thiochemicals visited the learning room and confined space simulator site at ECRO Kerteh after the MoU signing ceremony.

ECRO Kuantan

Program CSR bersama JHEKS Pahang

ECRO Kuantan mengadakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Pahang pada 3 Jun 2023 bagi memberi pendedahan terhadap aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) untuk penduduk di Sungai Lembing. Lebih 300 peserta terlibat di dalam program tersebut. Fokus program ini adalah berkenaan teknik memanjat pokok dan cara selamat untuk menggunakan peralatan yang berkaitan.

ECRO Kuantan

CSR Programme with JHEKS Pahang

ECRO Kuantan held a Corporate Social Responsibility (CSR) programme with the Department of Trade Union Affairs (JHEKS) Pahang on 3 June 2023 to provide exposure in aspects regarding Occupational Safety and Health (OSH) for residents of Sungai Lembing. More than 300 participants were involved in the programme. The focus of the programme was on tree climbing techniques and how to safely use relevant equipment for this task.



Penduduk Sungai Lembing memakai abah-abah keselamatan untuk memanjat pokok.
Sungai Lembing residents wear safety harnesses to climb trees.



Antara kakitangan NIOSH dan JHEKS yang terlibat dalam program CSR di Sungai Lembing.
NIOSH and JHEKS staff participating in the CSR programme in Sungai Lembing.

Hari Bertemu Pelanggan KSM Peringkat Negeri Pahang

NIOSH telah diberikan tanggungjawab untuk menerajui program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Sumber Manusia (KSM) Peringkat Negeri Pahang pada 12 Disember 2023. Bertempat di ruang legar Kompleks Membeli-belah Berjaya Megamall Kuantan, program sehari tersebut telah dirasmikan oleh Dato' Haji Amran Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha KSM (untuk Dasar Antarabangsa). Para pengunjung tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai agensi di bawah KSM, termasuk ruang reruai yang dikendalikan oleh ECRO Kuantan.

Orang ramai juga berpeluang membeli barangan keperluan harian melalui inisiatif Jualan Rahmah yang dianjurkan dengan kerjasama pejabat EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Turut diadakan temuduga kerja terbuka, perkhidmatan gunting rambut percuma, cabutan bertuah serta persembahan khas oleh penyanyi lagu-lagu rakyat Pahang Dato' Roslan Madun.



Gambar 1: Kakitangan NIOSH yang bertugas menjaga ruang reruai milik agensi tersebut di program Hari Bertemu Pelanggan KSM Peringkat Negeri Pahang di ruang legar Kompleks Membeli-belah Berjaya Megamall Kuantan.

Image 1: NIOSH staff in-charge of guarding the exhibition space belonging to an agency at the KSM Meet Customers Day, a Pahang State level event held in the lobby of Berjaya Megamall Kuantan Shopping Complex.

Ministry of Human Resources Pahang State Level Meet-the-Customer Day

NIOSH was given the responsibility to lead the Pahang State Level Ministry of Human Resources (KSM) Meet-the-Customer Day programme on 12 December 2023. Located in the foyer of the Berjaya Megamall Kuantan Shopping Complex, the one-day programme was officiated by Dato' Haji Amran Haji Ahmad, Deputy KSM Secretary General (of International Policy). The visitors did not miss the opportunity to receive services provided by various agencies under KSM, including event booths operated by ECRO Kuantan.

The public also had the opportunity to buy daily necessities through the Jualan Rahmah initiative organised in collaboration with the Pahang State Consumer Affairs and Human Resources EXCO office. There were open job interviews, free haircut services, lucky draws and a special performance by a Pahang folk singer Dato' Roslan Madun.



Gambar 2: Orang ramai mengunjungi ruang reruai milik agensi-agensi di bawah KSM di program Hari Bertemu Pelanggan KSM Peringkat Negeri Pahang di ruang legar Kompleks Membeli-belah Berjaya Megamall Kuantan.

Image 2: People visiting booths belonging to agencies under KSM at the Pahang State Level KSM Meet Customers Day event in the lobby of Berjaya Megamall Kuantan Shopping Complex.

PEJABAT WILAYAH SABAH DAN W.P. LABUAN (SBRO) SABAH REGIONAL OFFICE AND W.P. LABUAN (SBRO)

Pejabat Wilayah Sabah dan W.P. Labuan (SBRO) terbahagi kepada 4 pejabat iaitu SBRO Kota Kinabalu sebagai pejabat utama, SBRO Sandakan, SBRO Tawau dan SBRO W.P. Labuan. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di keempat-empat pejabat:

SBRO Kota Kinabalu

Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Sabah disertakan KKP untuk Tahfiz, dan Majlis Perasmian Karnival TVET MADANI diadakan secara serentak di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu pada 27 Mei 2023.

Sabah Regional Office and W.P. Labuan (SBRO) is divided into 4 offices, namely SBRO Kota Kinabalu as the main office, SBRO Sandakan, SBRO Tawau, and SBRO W.P. Labuan. The following are activities that were implemented in all four offices:

SBRO Kota Kinabalu

Occupational Safety and Health Day

The Sabah State Level Occupational Safety and Health Day celebration included OSH for Tahfiz, and a TVET MADANI Carnival Opening Ceremony. These events were held simultaneously at the Kota Kinabalu City Mosque on 27 May 2023.



Sesi penyampaian token penghargaan kepada rakan kolaborasi Karnival TVET MADANI.
Presentation of Token of Appreciation session to collaborators of the TVET MADANI Carnival.

Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Borneo ke-8 (BOSH 2023)

Program BOSH 2023 telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) pada 20 dan 21 Jun 2023. Persidangan kali ini bertema yang amat signifikan iaitu "Mentransformasikan Borneo untuk Masa Depan yang Berdaya Tahan"

YB. Tuan Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia, telah merasmikan program dua hari tersebut di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Kota Kinabalu.

Program BOSH 2023 merupakan platform terbaik untuk semua pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara untuk mendapatkan maklumat terbaharu berkaitan KKP, berkongsi pengalaman dan pendapat mengenai isu-isu terkini, terutamanya di Borneo.

The 8th Borneo Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health (BOSH 2023)

The BOSH 2023 programme was held at the Sabah International Convention Centre (SICC) on 20 and 21 June 2023. The conference had a very significant theme, "Transforming Borneo for a Resilient Tomorrow".

YB. Tuan Mustapha Sakmud, Deputy Minister of Human Resources, officiated the two-day programme at the Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu.

The BOSH 2023 programme is the best platform for all stakeholders from local and international communities to access latest information related to OSH, share experiences and opinions on the latest issues, especially in Borneo.



Para peserta di program BOSH 2023 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC).
Participants at the BOSH 2023 programme held at SICC.

KKP Untuk Tahfiz

SBRO Kota Kinabalu berkolaborasi dengan Sabah Energy Corporation Sdn Bhd untuk melaksanakan program KKP untuk Tahfiz di Sekolah Rendah Islam Tahfiz Al-Ilmi di Keningau, Sabah pada 23 Ogos, 2023. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif bersama kedua-dua pihak bagi meningkatkan tahap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sekolah-sekolah agama di Kota Kinabalu khususnya, dan di Sabah secara am. Program KKP untuk Tahfiz dibuat berpandukan program KKP di Sekolah yang dilaksanakan oleh NIOSH dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sejak tahun 2015.

Sabah Energy Corporation merupakan syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang ditubuhkan untuk menerajui pembangunan sumber tenaga Sabah dan untuk mempromosi, merangsang, memudahkan dan menjalankan projek pembangunan perindustrian, komersial, ekonomi dan sosial.

OSH for Tahfiz

SBRO Kota Kinabalu collaborates with Sabah Energy Corporation Sdn Bhd to implement an OSH programme for Tahfiz at Tahfiz Al-Ilmi Islamic Primary School in Keningau, Sabah on August 23, 2023. It is part of a joint initiative by both parties to improve the level of Occupational Safety and Health (OSH) in religious schools in Kota Kinabalu in particular, and in Sabah in general. The OSH programme for Tahfiz is based on OSH in School programme implemented by NIOSH in collaboration with the Ministry of Education since 2015.

Sabah Energy Corporation is a Sabah State Government company established to lead the development of Sabah's energy resources and to promote, stimulate, facilitate and carry out industrial, commercial, economic and social development projects.



Pengurus SBRO Encik Wan Sarman (tujuh dari kanan) bergambar dengan para peserta program KKP untuk Tahfiz di Sekolah Rendah Islam Tahfiz Al-Ilmi di Keningau, Sabah.

SBRO manager Mr. Wan Sarman (seventh from right) poses with participants of the OSH programme for Tahfiz at Tahfiz Al-Ilmi Islamic Primary School in Keningau, Sabah.

Pejabat Wilayah Sabah Sandakan (SBRO-SDK)

Kolaborasi Strategik Kolej Komuniti Sandakan dan NIOSH

Bagi meningkatkan tahap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Sandakan, NIOSH telah mengadakan kolaborasi strategik dengan Kolej Komuniti Sandakan. Pengurus SBRO En. Wan Sarman Sakan telah menandatangani dokumen Kolaborasi Strategik tersebut bagi pihak NIOSH manakala Kolej Komuniti Sandakan diwakili oleh pengarahnya En. Rudianshah Nonche. Kerjasama yang dimeterai pada 18 Mei itu membolehkan kedua-dua pihak berkongsi kemudahan dan kepakaran demi untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran berkaitan KKP.

Sabah Regional Office Sandakan (SBRO-SDK)

Strategic Collaboration between Sandakan Community College and NIOSH

To increase the level of Occupational Safety and Health (OSH) in Sandakan, NIOSH held a strategic collaboration with Sandakan Community College. SBRO manager Mr. Wan Sarman Sakan signed the Strategic Collaboration document in behalf of NIOSH while Sandakan Community College was represented by its director Mr. Rudianshah Nonche. The collaboration was signed on May 18. It allows both parties to share facilities and expertise in order to increase awareness, knowledge, and skills related to OSH.



Pengurus SBRO En. Wan Sarman Sakan (kanan) dan pengarah Kolej Komuniti Sandakan En. Rudianshah Nonche (kiri) menandatangani dokumen Kolaborasi Strategik bagi meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua pihak.

SBRO manager Mr. Wan Sarman Sakan (right) and Sandakan Community College director Mr. Rudianshah Nonche (left) signed the Strategic Collaboration document. The collaboration would increase cooperation between both parties.

Pejabat Wilayah Sabah Tawau (SBRO-TWU)

Seminar HRD Corp “Membolehkan Pertumbuhan Memaksimumkan Potensi Manusia”

SBRO Tawau dijemput untuk menyertai seminar yang dianjurkan oleh HRD Corp di Borneo Royale Hotel, Tawau pada 11 Oktober, 2023. Selain daripada penglibatan dengan aktiviti pameran, Pengurus SBRO-TWU En. Wan Sarman Sakan turut menyampaikan ceramah KKP untuk para peserta program.

Sabah Regional Office Tawau (SBRO-TWU)

HRD Corp Seminar “Enabling Growth Maximising Human Potential”

SBRO Tawau was invited to participate in a seminar organised by HRD Corp at Borneo Royale Hotel, Tawau on October 11, 2023. Apart from involvement with exhibition activities, SBRO Tawau Manager Mr. Wan Sarman Sakan also delivered a lecture on OSH for the participants of the programme.



Pengurus SBRO Tawau En. Wan Sarman Sakan menyampaikan ceramah KKP untuk para peserta seminar anjuran HRD Corp. di Borneo Royale Hotel, Tawau.

SBRO Tawau manager Mr. Wan Sarman Sakan delivered a lecture on OSH for participants of the seminar organised by HRD Corp. at Borneo Royale Hotel, Tawau.

Kunjungan Hormat ke Dewan Perniagaan Tiong Hua

Dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai KKP dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (SME), NIOSH dan HRD Corp. telah mengadakan kunjungan hormat ke Dewan Perniagaan Tiong Hua di Lahad Datu pada 15 Ogos 2023. Memandangkan dewan perniagaan tersebut dianggotai oleh kesatuan peniaga-peniaga Cina di daerah Lahad Datu, NIOSH dan HRD Corp. telah mengambil kesempatan memperkenalkan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensinya dibawah Kementerian Sumber Manusia khususnya NIOSH dan HRD Corp.

Courtesy Visit to the Tiong Hua Chamber of Commerce

In an effort to increase OSH awareness among small and medium enterprises (SMEs), NIOSH and HRD Corp. paid a courtesy visit to the Tiong Hua Chamber of Commerce in Lahad Datu on August 15, 2023. Since the chamber of commerce is made up of Chinese businessmen's unions in the Lahad Datu district, NIOSH and HRD Corp. took the opportunity to introduce the services provided by agencies under the Ministry of Human Resources, particularly NIOSH and HRD Corp.



Wakil NIOSH dan HRD Corp. memperkenalkan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensinya dibawah Kementerian Sumber Manusia kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan Tiong Hua di Lahad Datu.

Representatives from NIOSH and HRD Corp. introducing services provided by agencies under the Ministry of Human Resources to members of the Tiong Hua Chamber of Commerce in Lahad Datu.

Pejabat Wilayah Sabah W.P. Labuan (SBRO Labuan)

Hari Bertemu Pelanggan

SBRO W.P. Labuan telah dijemput menyertai program Hari Bertemu Pelanggan anjuran Sabah Electricity Sdn Bhd pada 28 Ogos 2023. Lebih 150 orang telah mengunjungi ruang reruai NIOSH dan mereka berpeluang mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan KKP yang disediakan oleh NIOSH di seluruh negara.

Sabah Regional Office W.P. Labuan (SBRO Labuan)

Meet-the-Customer Day

SBRO W.P. Labuan was invited to participate in the Meet Customers Day programme organised by Sabah Electricity Sdn Bhd on August 28, 2023. More than 150 people had visited the NIOSH booth. They had the opportunity to obtain information related to OSH services and facilities provided by NIOSH throughout the country.



Kakitangan NIOSH memberikan penerangan mengenai perkhidmatan dan kemudahan KKP yang disediakan oleh NIOSH di seluruh negara.

NIOSH staff provides OSH information on services and facilities provided by NIOSH throughout the country.

Kursus Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

NIOSH telah menganjurkan kursus Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) untuk Antara Steel Mill Sdn Bhd pada 28 November 2023. Ia merupakan sebahagian daripada program KKP yang di rancang oleh Antara Steel Mill Sdn Bhd. Program ini melibatkan lebih kurang 30 kakitangan. Ceramah hari tersebut di sampaikan oleh Ketua Pejabat SBRO W.P. Labuan En. Mohd Fazrin Jurnain.

Occupational Safety and Health Awareness Course

NIOSH organised an Occupational Safety and Health Awareness (OSH) course for Antara Steel Mill Sdn Bhd on 28 November 2023. It is part of the OSH programme planned by Antara Steel Mill Sdn Bhd. This programme involves approximately 30 staff. The talk that was presented was delivered by the Head of SBRO Office W.P. Labuan Mr. Mohd Fazrin Jurnain.



Ketua Pejabat SBRO W.P. Labuan En. Mohd Fazrin Jurnain menyampaikan ceramah khas sempena kursus KKP untuk Antara Steel Mill Sdn Bhd.

Head of SBRO Office W.P. Labuan Mr. Mohd Fazrin Jurnain delivered a special lecture in conjunction with the OSH course for Antara Steel Mill Sdn Bhd.

PEJABAT WILAYAH SARAWAK (SWRO) SARAWAK REGIONAL OFFICE (SWRO)

Sepanjang tahun 2023, NIOSH Pejabat Wilayah Sarawak (SWRO) melaksanakan beberapa aktiviti di seluruh Negeri Sarawak. SWRO terbahagi kepada 4 pejabat iaitu SWRO Kuching, SWRO Bintulu, SWRO Miri, dan SWRO Kapit. Berikut adalah kategori aktiviti yang dilaksanakan di Sarawak:

- 1) Latihan dan Kursus
- 2) Khidmat Rundingan
- 3) Mesyuarat/Kunjungan Hormat daripada Agensi Kerajaan dan Swasta
- 4) Jemputan Ceramah KKP/Pameran/Taklimat
- 5) Program Tenaga Buruh Ke Luar Bandar 4.0 (Labour GRAP 4.0)

1. Latihan/Kursus

SWRO telah menjalankan pelbagai program seperti yang disenaraikan bagi membantu memupuk kesedaran mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di pelbagai industri khususnya di negeri Sarawak. Antara program yang dijalankan termasuk kursus berjadual dan program dalaman (in-house) untuk pensijilan, kompetensi, kejurulatihan, dan juga kursus pasport keselamatan.

In 2023, NIOSH Sarawak Regional Office (SWRO) carried out several activities throughout the State of Sarawak. SWRO is divided into 4 offices namely SWRO Kuching, SWRO Bintulu, SWRO Miri, and SWRO Kapit. The following are the categories of activities carried out in Sarawak:

- 1) *Training and Courses*
- 2) *Consultation Services*
- 3) *Meetings/Courtesy Visits from Government and Private Agencies*
- 4) *Invitation to OSH Talk/Exhibition/Briefing*
- 5) *Labour Go Rural Area Programme 4.0 (Labor GRAP 4.0)*

1. Trainings/Courses

SWRO carried out various programmes as listed above to help foster awareness about aspects of occupational safety and health (OSH) in various industries, especially in the state of Sarawak. Among the programmes conducted include scheduled courses and internal programmes (in-house) for certification, competency, coaching, and also safety passport courses.



Kursus Pancutan Air Tekanan Tinggi (HPWJ) dijalankan secara bersemuka di premis pelanggan di negara Brunei Darussalam pada 16 – 18 Ogos 2023. Kursus ini dihadiri oleh seramai 10 orang peserta dari syarikat Ghatz Engineering Sdn. Bhd.
High Pressure Water Jet (HPWJ) course was conducted face-to-face at the customer's premises in Brunei Darussalam on 16 - 18 August 2023. This course was attended by a total of 10 participants from Ghatz Engineering Sdn. Bhd.



Kursus Disesuai - Kesedaran Pengudaraan Ekzos Setempat (LEVA) dijalankan secara bersemuka di Dynasty Hotel pada 6 April 2023. Seramai 40 orang peserta dari syarikat Avid Spectrum Sdn Bhd. menghadiri kursus ini.

Customised Course - Local Exhaust Ventilation Awareness (LEVA) conducted face-to-face at Dynasty Hotel on April 6, 2023. A total of 40 participants from Avid Spectrum Sdn Bhd. attended this course.

2. Khidmat Rundingan

SWRO juga telah menjalankan pelbagai khidmat rundingan KKP untuk pelbagai industri di Sarawak. Khidmat rundingan ini amat penting bagi memastikan organisasi- organisasi di Sarawak mengamalkan sistem KKP yang lebih efektif.

2. Consultancy Services

SWRO carried out various OSH consultancy services for various industries in Sarawak. This consultancy service is very important. It ensures that organisations in Sarawak adopt effective OSH systems.



Ceramah KKP di Pejabat Pegawai Wakil Tentera Laut (PWTL) Kuching.
OSH talk at the Navy Representative Officer's workplace in Kuching.

3. Mesyuarat/Kunjungan Hormat daripada Agensi Kerajaan dan Swasta.

SWRO juga telah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta institusi latihan untuk meningkatkan aspek KKP di Sarawak. Ia dilaksanakan melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Perhubungan Negeri (Jabatan/Agensi) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) Sarawak bagi memenuhi keperluan KSM serta menjayakan program yang dirancang.

3. Meetings/Courtesy Visits from Government and Private Agencies.

SWRO collaborated with various government and private agencies as well as training institutions to improve aspects of OSH in Sarawak. It is implemented through collaboration with the State Liaison Committee (Department/Agency) under the Ministry of Human Resources (KSM) of Sarawak to meet the needs of the KSM as well as to make a planned programme succeed.



Kunjungan hormat delegasi SWRO ke Sarawak Energy Berhad pada 13 Oktober 2023 serta perbincangan mengenai kajian semula modul Pasport Keselamatan Sarawak Energy (SESP).

Courtesy visit of SWRO delegation to Sarawak Energy Berhad on 13 October 2023 as well as a discussion on the review of the Sarawak Energy Safety Passport (SESP) module.



Gambar 8: Kunjungan hormat serta taklimat Petronas Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak (SSGP) untuk ketua masyarakat dan ketua kaum Bintulu-Niah di Rumah Luhah, Jalan Pan Borneo Bintulu-Miri.

Image 8: Courtesy visit along with a Petronas Sabah-Sarawak Gas Pipeline (SSGP) briefing for community leaders and Bintulu-Niah tribal leaders at Rumah Luhah, Jalan Pan Borneo Bintulu-Miri.



Sambutan Hari Sedunia bagi KKP di Tempat Kerja Peringkat Negeri Sarawak 2023 dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak pada 23 Mei 2023.

Celebration of World Occupational Safety and Health Day at the Workplace in Sarawak, a state level 2023 event in collaboration with Sarawak Fire and Rescue Department on 23 May 2023.



Kunjungan Hormat ke Jabatan Pengangkutan Sarawak serta mesyuarat bersama YB. Dato' Sri Lee Kim Shin, Menteri Pengangkutan Sarawak pada 26 September 2023.

Courtesy visit to Sarawak Transport Department and meeting with YB. Dato' Sri Lee Kim Shin, Minister of Transport Sarawak on 26 September 2023.

4. Jemputan Ceramah KKP/Pameran/Taklimat

SWRO turut menerima jemputan daripada pelbagai pihak berkepentingan bagi menjayakan pelbagai program untuk meningkatkan tahap kesedaran, pengetahuan, dan kemahiran KKP di Sarawak.

4. Invitation to OSH Talk/Exhibition/Briefing

SWRO received invitations from various stakeholders to implement and succeed various programmes in order to increase the level of OSH awareness, knowledge, and skills in Sarawak.



SWRO turut menyertai program Minggu Persidangan Kemuncak Penjanaaan Kuasa Tenaga di Sarawak 2023 anjuran Sarawak Energy Berhad.

SWRO participated in the Sarawak Energy Power Generation Summit Week in Sarawak 2023, a programme organised by Sarawak Energy Berhad.





Ceramah Kesedaran Keselamatan - Keselamatan Pengendalian Bahan Kimia pada 25 Ogos 2023.
Safety Awareness Talk - Chemical Handling Safety on 25 August 2023.



Program Seni Menggiatkan Kesihatan dan Ceramah Kesihatan Mental KKP di Tempat Kerja di Klinik Syazwani pada 5 Oktober 2023.

Art of Health Programme and OSH Talk on Mental Health in the Workplace at Syazwani Clinic on October 5, 2023.

5. Program Tenaga Buruh Ke Luar Bandar 4.0 (Labour GRAP 4.0)

SWRO mengadakan kerjasama dengan Jabatan Tenaga Sarawak serta pelbagai jabatan dan agensi di bawah KSM Sarawak untuk menjayakan program Tenaga Buruh Ke Luar Bandar (Labour Grap 4.0) bertempat di Rumah Bengau Nanga Sut, Kapit. Program ini turut diserikan dengan acara konvoi bersama Pengarah Tenaga Kerja Sarawak Tuan Awang Raduan Awang Omar. Para peserta turut terlibat dalam aktiviti gotong-royong, dan program pendidikan perburuhan bersama komuniti di Rumah Bengau Nanga Sut, Kapit.

5. Labour Go Rural Area Programme 4.0 (Labour GRAP 4.0)

SWRO collaborated with Sarawak Department of Energy as well as various departments and agencies under the Sarawak Ministry of Human Resources to organise the Labour Go Rural Area Programme (Labour GRAP 4.0) at Rumah Bengau Nanga Sut in Kapit. The programme was enriched by an accompanying convoy along with the Sarawak Manpower Director Tuan Awang Raduan Awang Omar. The participants were involved in community services and a labour education programme with the residents of Rumah Bengau Nanga Sut in Kapit.



Antara para peserta yang turut bersama-sama menjayakan Program Tenaga Buruh Ke Luar Bandar 4.0 pada 24-26 Ogos 2023.

Participants who joined the Labour Go Rural Area Programme 4.0 on 24-26 August 2023.





2023

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

PROFIL
KORPORAT
CORPORATE PROFILE

LATAR BELAKANG

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan pada 24 Jun 1992 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Bermula dengan sebuah pejabat sementara di Pusat Bandar Damansara, NIOSH telah berpindah ke Bandar Baru Bangi pada tahun 1996.

Seiring dengan permintaan yang semakin meningkat, NIOSH meluaskan lagi perkhidmatannya melalui pembentukan pejabat wilayah di Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu.

Inisiatif menubuhkan anak syarikat yang dikenali sebagai NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NCSB) pada tahun 2004 bertujuan untuk meningkatkan budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia. NCSB menjalankan aktiviti persijilan bagi syarikat yang berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) yang diiktiraf antarabangsa di samping menerima badan pensijilan yang lain.

NIOSH telah memperolehi pensijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 pada tahun 2003, ISO 9001:2008 pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada ISO 9001:2015 pada tahun 2018. Pensijilan OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2011 telah diperolehi pada 1 Oktober 2012. Manakala Makmal Analisis Higen Industri NIOSH pula telah mendapat Akreditasi bagi pensijilan MS ISO/IEC 17025:2005 (ISO/IEC 17025:2005) pada tahun 2008.

BACKGROUND

The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) was established as a company limited by guarantee on 24 June 1992 under the Ministry of Human Resources, Malaysia. NIOSH began its operations from a temporary office located in Pusat Bandar Damansara, before moving to its current NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi in 1996.

As demand for occupational safety and health services increased, NIOSH expanded its services by establishing regional offices in Sarawak, Sabah, Penang, Johor and Terengganu.

In 2004, a subsidiary known as NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NCSB) was established to enhance the Occupational Safety and Health (OSH) work ethics and culture in Malaysia. NCSB undertook certification programmes for companies that had successfully implemented the internationally recognised Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) alongside having to achieve other relevant certifications.

NIOSH successfully obtained the certification for ISO Quality Management System 9001:2000 in 2003, ISO 9001:2008 in 2009, and was upgraded to ISO 9001:2015 in 2018. In addition, the organisation received the OHSAS 18001:2007 and MS 1722:2011 certifications on 1 October 2012. Meanwhile, the NIOSH Industrial Hygiene Analytical Lab was accredited with MS ISO/IEC 17025:2005 (ISO/IEC 17025:2005) in 2008.

FUNGSI DAN OBJEKTIF

Fungsi NIOSH adalah untuk memberikan latihan yang berkelayakan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan secara professional, berkelayakan dan cekap serta menyebarkan maklumat dalam bidang keselamatan and kesihatan pekerjaan (KKP).

Objektif penubuhan NIOSH adalah:

- Menyumbang ke arah usaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui pembangunan kurikulum dan program latihan untuk pekerja, majikan, dan mereka yang bertanggungjawab secara langsung atau sebaliknya terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja.
- Membantu industri, perdagangan dan sektor-sektor lain dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Membantu mereka yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan maklumat yang terkini dari dalam dan luar negara dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Mengendalikan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh membawa faedah dan manfaat kepada negara.
- Menyebarkan maklumat hasil dari penyelidikan dan juga menjadi pusat rujukan di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

FUNCTIONS AND OBJECTIVES

The function of NIOSH is to provide qualified training, consultancy, research and development that is professional, qualified and efficient, and dissemination of information on Occupational Safety and Health (OSH) on a professional level.

The objectives of establishing NIOSH are:

- *To contribute toward the effort to increase the level of Occupational Safety and Health (OSH) at the workplace by developing curriculum and training programmes for both employers and employees, and for those responsible for OSH at the workplace through direct or indirect auxiliary roles.*
- *To assist the industry and commercial sector, and other sectors in resolving OSH-related problems.*
- *To assist those responsible for OSH by providing them with updated OSH information coming from domestic and offshore sources.*
- *To undertake short-term and long-term research in fields related to OSH that would be resourceful and beneficial to the nation.*
- *To publish and disseminate information from research findings, and to become the centre for research and referencing in the field of OSH.*

DIREKTORI PEJABAT NIOSH DI MALAYSIA

DIRECTORY OF NIOSH OFFICES IN MALAYSIA



IBU PEJABAT NIOSH NIOSH HEADQUARTERS

IBU PEJABAT NIOSH MALAYSIA / NIOSH MALAYSIA HEADQUARTERS

 NIOSH Bandar Baru Bangi, Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
 +603 8769 2100 / +603 8911 3800
 +603 8926 2900
 general@NIOSH.com.my

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH REGIONAL OFFICES

PEJABAT WILAYAH SELATAN SOUTHERN REGIONAL OFFICE





NIOSH Johor Bahru

 NIOSH Johor Bahru
Kompleks Mutiara Johor Land,
Jalan Bukit Mutiara,
Bandar Dato' Onn,
81100 Johor Bahru, Johor
 Tel: +607 571 2300
 +607 599 0200
 johor@NIOSH.com.my

NIOSH Pengerang





 Lot 73 & 75, Jalan Kempas 1,
Desaru Utama, Bandar Penawar,
81930 Kota Tinggi, Johor
 +607 828 0183 / +607 886 1139
 +607 828 0193
 pengerang@NIOSH.com.my

NIOSH Melaka



 Bangunan World Youth Hotel,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Melaka
 +606 232 6866
 <https://wa.me/60192299071>
 melaka@NIOSH.com.my

PEJABAT WILAYAH UTARA NORTHERN REGIONAL OFFICE





NIOSH Pulau Pinang

 Lot 8872, Jalan Bertam 2, MK.6,
Bertam, 13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang
 +604 380 1200
 <https://wa.me/60192299724>
 penang@NIOSH.com.my

NIOSH Alor Setar


 L1-01, Bazaar Level 1,
Souq Commercial Centre,
Jalan Tun Razak,
05200 Alor Setar, Kedah.
 Tel: +604 7362252

NIOSH Manjung

 Jalan PPMP 3/4,
Pusat Perniagaan Manjung Point
32040 Seri Manjung, Perak
 +605 689 0701
 +605 689 0715
 manjung@NIOSH.com.my

PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR EAST COAST REGIONAL OFFICE





NIOSH Kerteh

 Lot 12853, Jalan Lapangan
Terbang,
Kampung Darat Kolam,
24300 Kerteh, Terengganu
 +609 826 4000 / +609 826 4001
 +609 826 4000
 terengganu@NIOSH.com.my

NIOSH Kota Bharu

 PT 1155, Jalan Bendahara 3/36,
Taman Bendahara,
16100 Kota Bharu, Kelantan.
 +609 773 1710
 +609 773 1711
 kelantan@NIOSH.com.my

NIOSH Kuantan

 No. B12, Jalan KS 1/12,
KotaSAS Allocation,
Kota Sultan Ahmad Shah,
25200 Kuantan, Pahang
 +609 575 0521
 +609 575 0522
 kuantan@NIOSH.com.my

PEJABAT WILAYAH SARAWAK SARAWAK REGIONAL OFFICE

NIOSH Kuching

 Wisma Hamizan, Ground Floor,
Lot 851 Sublot 16, Seksyen 65,
KTLD Off Jalan Astana, Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak.
 +608 253 6801 / +608 253 6803
 +608 253 6802
 sarawak@NIOSH.com.my




NIOSH Bintulu

 3rd Floor Commercial, Block C2,
Naim Street Mall,
Bintulu Paragon, Jalan Old Airport,
97000, Bintulu Sarawak
 +6019 233 3947 / +6019 233 3975
 +608 631 5501
 sarawak@NIOSH.com.my

NIOSH Miri





 Lot 10620,
Miri Commercial Shop Lot, Airport Road,
98000 Miri, Sarawak
 +608 563 6840 / +608-563 6940
 +608 563 6140
 sarawak@NIOSH.com.my

NIOSH Kapit





 Sublot 3688, Lot 1074, Block 13,
Menuan Land District, 96800 Kapit, Sarawak
 +608 479 6043
 sarawak@NIOSH.com.my

PEJABAT WILAYAH SABAH SABAH REGIONAL OFFICE

NIOSH Kota Kinabalu

 Lot 2-99A, Tingkat 2, ITCC Shopping Mall,
Jalan Pintas Penampang, 89500 Penampang, Sabah.
 +6088-745 040
 +6088-745 041
 sabah@NIOSH.com.my





NIOSH Sandakan

 Institut Latihan Perindustrian Sandakan (ILP),
Tingkat 1, Bahagian Pusat Sumber & Multimedia,
Batu 5, Jalan Sibuga, 90000 Sandakan, Sabah
 +608 966 3761
 +608 966 3762
 sabah@NIOSH.com.my

NIOSH Tawau

 Lot 1, Ground Floor, Blok A,
Jalan Plaza Damai,
91000 Tawau, Sabah
 +608 975 6302 / +608 975 6304
 +608 975 6303
 tawau@NIOSH.com.my


NIOSH Wilayah Persekutuan Labuan

 1st Floor, Lot 1 & 2, Block A, Shermadef Commercial
Centre, KM 1.5, Jalan Patau-Patau,
87018 Federal Territory, Labuan
 +608 742 3254
 +608 742 3255
 labuan@NIOSH.com.my

UNIT KHIDMAT PELANGGAN CUSTOMER SERVICE UNIT



+603 8769 2100
+603 8911 3800



Umum / General
+6019 666 4106



Latihan / Training
+6013 222 4966



Peperiksaan / Exam
+6019 666 8599



E-mel / E-mail
wecare@niosh.com.my



Laman sesawang / Website
www.NIOSH.com.my



Facebook
@NIOSHmalaysia



WAKTU OPERASI OPERATION HOURS

Isnin hingga Khamis / Monday to Thursday
8.00AM - 5.00PM

Jumaat / Friday
8.00AM - 12.15PM


Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum (Selangor)
Closed on Saturday, Sunday and public holidays (Selangor)





KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIOSH)
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara

 Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

 03-8769 2100 | 03-8911 3800
 03-8926 2900

www.niosh.com.my